Nirmala Bonat lwn Yim Pek Ha dan satu lagi

A

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO S-22–72 TAHUN 2010
SITI KHADIJAH PK
25 JANUARI 2015

B

Ganti rugi (Kecederaan Diri atau Kematian) — Kecederaan diri — Penilaian dan taksiran — Ganti rugi am dan khas — Plaintif bekerja sebagai pembantu rumah defendan-defendan — Plaintif mendakwa defendan-defendan telah menderanya — Sama ada plaintif telah didera oleh defendan pertama — Sama ada kecederaan disebabkan oleh defendan pertama atau 'self-inflicted' — Sama ada plaintif tidak berfikiran waras dan mengalami 'neorology deficits' — Sama ada defendan berliabiliti — Sama ada plaintif menyumbang terhadap kecederaan — Award yang wajar ke atas plaintif

C

D

Tort — Kecuaian — Kewajipan berjaga-jaga — Defendan kedua merupakan majikan plaintif — Sama ada defendan kedua mempunyai kewajipan berjaga-jaga ('duty of care') ke atas plaintif — 'Standard of care' — Apakah 'standard of care' yang diharapkan daripada defendan kedua — Sama ada defendan kedua gagal memenuhi kewajipan berjaga-jaga

E

F

Plaintif merupakan warganegara Indonesia dan bekerja sebagai pembantu rumah defendan-defendan. Dalam tindakan ini, plaintif telah menuntut ganti rugi khas, ganti rugi am, faedah dan kos terhadap defendan-defendan di atas kecederaan yang dialaminya yang didakwa dilakukan oleh defendan pertama. Plaintif di dalam perenggan 7 penyata tuntutan pindaan telah mendakwa bahawa defendan pertama telah melekapkan seterika panas di belakang badan dan bahagaian dadanya, menyimbah air panas ke atas badannya, memukul kepalanya dengan cawan besi dan memukulnya dengan 'hanger' plastik. Plaintif juga mendakwa bahawa defendan kedua sebagai majikan telah gagal melaksanakan kewajipannya untuk memastikan bahawa plaintif bekerja dalam keadaan yang selamat. Defendan-defendan dalam tuntutan balas pula menyatakan bahawa plaintif telah melanggar kontrak pekerjaannya apabila dia sendiri telah berhenti kerja dan melarikan diri dari rumah defendan-defendan; dan apabila dia menyembunyikan butir-butir material mengenai dirinya daripada defendan-defendan. Isu-isu untuk penentuan mahkamah adalah: (a) sama ada plaintif telah didera oleh defendan pertama dengan cara dan pada masa-masa sepertimana yang didakwa dalam perenggan 7 penyata tuntutan pindaan; (b) sama ada defendan kedua mempunyai 'duty of care' untuk melindungi plaintif dan apakah 'standard of care' yang diharapkan daripada defendan kedua; (c) sama ada kecederaan-kecederaan tersebut disebabkan oleh

G

H

I

plaintif sendiri ('self-inflicted') atau diakibatkan selain daripada defendan pertama; (d) sama ada plaintif bukannya seorang yang berfikiran waras dan bukan bebas daripada apa-apa 'neorology deficits'; dan (e) sekiranya defendan-defendan dibuktikan berliabiliti, adakah dan apakah ganti rugi khas dan am yang dialami oleh plaintif.

Diputuskan, membenarkan tuntutan plaintif dan menolak tuntutan balas defendan-defendan dengan kos sebanyak RM10,000:

(1) Berdasarkan kontrak pekerjaan plaintif dan kewajipan defendan-defendan dari segi 'common law' untuk mengamalkan pemeliharaan dan kemahiran yang munasabah, mahkamah mendapati adil bagi defendan kedua dipikulkan dengan kewajipan untuk memberi penjagaan dan perlindungan yang berpatutan kepada plaintif. Dalam kes ini defendan kedua selaku majikan plaintif telah gagal dalam tanggungjawabnya ('duty of care') apabila beliau gagal untuk melaksanakan 'the standard of care' yang diharapkan daripada beliau sebagai seorang majikan yang munasabah, dan dalam memastikan kebajikan, keselamatan, perlindungan serta perhatian yang sewajarnya terhadap plaintif (lihat perenggan 137 & 140).

(2) Berdasarkan keterangan dan atas rumusan imbangan kebarangkalian mahkamah mendapati kecederaan-kecederaan plaintif yang berbangkit daripada kejadian-kejadian seperti yang dinyatakan dalam perenggan 7 penyata tuntutan pindaan telah disebabkan oleh perlakuan defendan pertama dan bukan di 'self-inflict' oleh plaintif. Mahkamah juga mendapati defendan-defendan berliabiliti terhadap kecederaan yang dialami oleh plaintif namun mahkamah juga mendapati bahawa plaintif berperanan menyumbang ke arah kecederaan yang dialami (lihat perenggan 143 & 151).

(3) Tiada bukti dikemukakan oleh defendan-defendan bahawa plaintif adalah seorang yang tidak waras dan tidak bebas daripada 'neorology deficits'. Mengikut s 103 Akta Keterangan 1950, beban membukti perkara ini terletak di atas defendan-defendan yang bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan untuk berjaya dalam pembelaannya. Defendan-defendan telah didapati gagal untuk melepaskan beban yang ditetapkan ke atasnya oleh undang-undang (lihat perenggan 149).

(4) Berdasarkan keterangan dan fakta, mahkamah membenarkan tuntutan ganti rugi am plaintif bagi kecederaan di dada dan bahagian belakang sebanyak RM105,000, kecederaan dan parut di lengan sebanyak RM4,000, kecederaan di kepala dan muka termasuk mulut sebanyak RM10,000, kecederaan hidung sebanyak RM8,000 dan ganti rugi am tekanan emosi sebanyak RM40,000. Bagi ganti rugi khas pula, mahkamah hanya membenarkan ganti rugi perbelanjaan asas tempat tinggal, makan dan minum ketika plaintif tinggal di kedutaan Indonesia

sebanyak RM10,616; dan ganti rugi kehilangan pendapatan sebanyak RM6,880. Mahkamah juga mendapati bahawa plaintif bertanggungan atas kadar 30% bagi kes ini dan memerintahkan 30% dipotong dari keseluruhan 'award' yang diterima oleh plaintif (lihat perenggan 194 & 196–197).

[English summary

The plaintiff was an Indonesian and had worked as a domestic help for the defendants. In this action, the plaintiff claimed for general and specific damages with costs and interests against the defendants for the injuries she sustained, allegedly inflicted by the first defendant. In para 7 of her statement of claim, the plaintiff submitted that the first defendant had placed hot iron on her back and chest, splashed her with hot water and hit her head with a steel mug and hit her with a plastic hanger. The plaintiff also contended that as an employer, the second defendant failed to exercise his duty to ensure that the plaintiff was working in a safe environment. In her counterclaim, the defendants stated that the plaintiff breached her employment contract when she resigned and took flight from the defendants' house; and when she concealed material details about herself from the defendants. The issues for the court's determination were (a) whether the plaintiff was abused by the first defendant in ways and times alleged in the seventh paragraph of the amended statement of claim; (b) whether the second defendant had the duty of care to protect the plaintiff and what was the standard of care expected of the second defendant; (c) whether the injuries were inflicted by the plaintiff herself or whether they were caused by the first defendant; (d) whether the plaintiff was of sound mind and not free from neurology deficits; and (e) if the defendants were proven to be liable, what were the general and specific damages sustained by the plaintiff.

Held, allowing the plaintiff's claim and dismissing the defendants' counterclaim with costs of RM10,000:

(1) Based on the plaintiff's employment contract and the defendants' duties under common law to practice reasonable care and skills, the court found that it was fair for the second defendant to carry the responsibility of providing appropriate care and protection to the plaintiff. In this case, the second defendant, as the plaintiff's employer failed in his duty of care to exercise the standard of care expected of him as a reasonable employer and in ensuring the reasonable welfare, security, protection and attention was given to the plaintiff (see paras 137 & 140).

(2) Based on evidence and the inference of balance of probabilities, the court found that the plaintiffs' injuries stemmed from the incidents contained in para 7 of the amended statement of claim, caused by the defendants' acts and they were not self-inflicted by the plaintiff. The court also found that the defendants were liable for the injuries sustained by the plaintiff

but the plaintiff played a role in contributing to the injuries sustained (see paras 143 & 151).

(3) There was no evidence adduced by the defendants that the plaintiff was of sound mind and free from neurology deficits. According to s 103 of the Evidence Act 1950, the burden to proof this was on the defendants who relied on the existence of the fact averred to succeed in their defence. The defendants failed to discharge the burden affixed on him by the law (see para 149).

(4) Based on the evidence and the facts, the court allowed the plaintiff's claim for general damages on her chest and back in the amount of RM105,000; injuries and scarring on the arm amounting to RM4,000 and injuries on her head and face; including her mouth in the sum of RM10,000; injuries sustained on her nose in the amount of RM8,000; and general damages for emotional distress totalling to RM40,000. For specific damages, the court only allowed damaged for basis expenses of shelter and food when the plaintiff stayed at the Indonesian embassy; and damages for loss of earnings in the amount of RM6,880. The court also found that the plaintiff was 30% liable in this case and ordered 30% to be deducted from the whole award received by the plaintiff (see paras 194 & 196–197).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai penilaian dan taksiran, lihat 6(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 1058.

Untuk kes-kes mengenai kewajipan berjaga-jaga, lihat 12(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 1381–1500.

Kes-kes yang dirujuk

Caparo Industries plc v Dickman and others [1990] 2 AC 605; [1990] 1 All ER 568, HL (dirujuk)

Corporation of Glasgow v Muir and Others [1943] 2 All ER 44, HL (dirujuk)

Majlis Perbandaran Ampang Jaya v Steven Phoa Cheng Loon & Ors [2006] 2 MLJ 389; [2006] 2 CLJ 1, MP (dirujuk)

Sim Ah Song & Anor v Rex [1951] 1 MLJ 150 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Imigresen 1959/63 s 56(1)(k)

Akta Keterangan 1950 s 103

Kavimani Muthayam (Megat Najmuddin Leong & Co) bagi pihak plaintif.

Chan Vy Sing (Lam Cheng Wun bersamanya) (Lee & May) bagi pihak defendan-defendan.

Siti Khadijah PK:

[1] Dalam tindakan ini Nirmala Bonat ('plaintif') menuntut terhadap Yim Pek Ha ('defendan pertama') dan Hii Ik Tiing ('defendan kedua' iaitu suami defendan pertama dan beliau adalah majikan Nirmala) ganti rugi khas, ganti rugi am, faedah, kos dan lain-lain relif yang dianggap sesuai oleh mahkamah.

FAKTA

[2] Nirmala, berusia lebih kurang 20 tahun (pada ketika itu), adalah seorang warganegara Indonesia berasal dari Desa Tuapakas dan sebelum ini bekerja di sebuah restoran di Indonesia.

[3] Keluarga Pek Ha terdiri daripada suami dan anak-anak mereka seramai tiga orang yang pada ketika itu berusia di antara 6 dan 1 1/2 tahun. Apabila Nirmala tiba pada bulan September 2003, Pek Ha baru melahirkan seorang lagi anak berusia dua minggu. Tempat kediaman keluarga defendan adalah sebuah apartmen empat bilik ('apartmen defendan') yang terletak di tingkat 25 di Villa Putra, Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur.

[4] Nirmala telah berada dengan keluarga Pek Ha selama lebih kurang lapan bulan. Selama itu tiada siapa yang tahu apa yang berlaku di apartmen defendan sehinggalah tibanya tanggal 17 Mei 2004. Pada tarikh tersebut Nirmala telah diselamatkan oleh pengawal keselamatan.

[5] Laporan polis Nirmala (P34) yang dibuat pada malam yang sama menyatakan beliau mengalami kecederaan di kebanyakan bahagian dirinya. Laporan perubatan Nirmala (P6) telah disediakan oleh Dr Afnizar yang memeriksa Nirmala pada jam 12.10 pagi 18 Mei 2004 iaitu tempoh terawal selepas kejadian. P6 menunjukkan butir-butir kecederaan yang dialami oleh Nirmala dan keadaannya pada masa tersebut.

[6] Laporan polis Nirmala mengatakan luka-luka dan parut-parut yang dialaminya adalah berikutan perbuatan Pek Ha. Ini dinafikan sekeras-kerasnya oleh Pek Ha dan suaminya. Mereka mengatakan luka-luka tersebut adalah berikutan perbuatan Nirmala sendiri terhadap dirinya 'self-inflicted'. Suami Pek Ha mengatakan beliau langsung tidak tahu-menahu dan tiada apa-apa kaitan dengan luka-luka dan parut-parut yang dialami oleh Nirmala.

[7] Nirmala juga menuntut terhadap suami Pek Ha selaku majikannya yang dikatakan telah gagal melaksanakan kewajipannya untuk memastikan bahawa Nirmala bekerja dalam keadaan yang selamat. Suami Pek Ha dikatakan telah gagal menyediakan keperluan perubatan dan penjagaan, serta

perlindungan terhadap Nirmala. Tuntutan Nirmala terhadapnya adalah seperti mana yang dibangkitkan di perenggan 10 penyata tuntutan terpinda Nirmala.

[8] Pek Ha dan suaminya menafikan dakwaan di bawah perenggan 7 (i–v penyata tuntutan terpinda) dan menuntut balas terhadap Nirmala atas dakwaan bahawa beliau telah memungkiri terma kontrak pekerjaan dengan mereka kerana: Nirmala telah menyembunyikan fakta-fakta material dalam borang permohonan pembantu asing Code No KBR/2535/T dan di passport Nirmala (seperti mana diplid di perenggan 7 dan 8 penyata pembelaan terpinda); sebelum bekerja, Nirmala tidak berfikiran waras dan tidak bebas daripada 'neurology deficits', telah menghidapi penyakit 'epilepsy, mild mental retardation dan personality disorder' (seperti mana diplid di perenggan 9 dan 10 penyata pembelaan terpinda); Nirmala telah melarikan diri daripada tempat bekerja; dan Nirmala gagal untuk bekerja selama dua tahun mulai 15 September 2003 (sepertimana diplid di perenggan 5 dan 6 penyata pembelaan terpinda).

[9] Isu-isu yang dipersetujui untuk dibicarakan dan diputuskan oleh mahkamah:

(a) sama ada plaintif telah didera dan dicederakan oleh Pek Ha dengan cara dan pada masa-masa seperti mana yang didakwa dalam perenggan 7(i–v) penyataan tuntutan terpinda?

(b) adakah dan apakah kecederaan-kecederaan fizikal dan/atau mental (sekiranya ada) yang dialami oleh Nirmala sepertimana yang didakwa dalam butir-butir kecederaan dalam perenggan 8 penyata tuntutan terpinda?

(c) sama ada kecederaan-kecederaan yang didakwa dalam butir-butir kecederaan (perenggan 8 penyataan tuntutan terpinda) itu diakibatkan oleh Pek Ha dengan cara dan masa yang dinyatakan dalam perenggan 7 penyata tuntutan terpinda?

(d) adakah suami Pek Ha mempunyai kewajipan 'duty of care' terhadap Nirmala sebagai majikan Nirmala dan apakah 'standard of care' yang terpakai?

(e) sama ada suami Pek Ha telah memungkiri kewajipannya terhadap Nirmala?

(f) sekiranya terwujud kecederaan-kecederaan kepada Nirmala, sama ada ia disebabkan oleh Nirmala sendiri ('self-inflicted) atau diakibatkan selain daripada Pek Ha?

(g) sama ada Nirmala bukannya seorang yang berfikiran waras dan bukan bebas daripada apa-apa 'neorology deficits'?

(h) sama ada Nirmala menghidapi apa-apa penyakit mental seperti mana yang dinyatakan dalam penyata pembelaan terpinda secara sendirinya dan yang bukannya disebabkan oleh defendan-defendan?

(i) sama ada suami Pek Ha sebagai majikan Nirmala mempunyai kewajipan 'common law' untuk memastikan Nirmala bekerja dalam keadaan yang selamat dan bersesuaian? dan

(j) sekiranya defendan-defendan dibuktikan berliabiliti, adakah dan apakah ganti rugi khas dan am yang dialami oleh Nirmala?

[10] Tuntutan balas defendan-defendan:

(a) sama ada Nirmala telah melanggar kontrak pekerjaannya dengan suami Pek Ha dengan salah membatalkannya dengan cara Nirmala sendiri berhenti kerja dan melarikan diri dari rumah defendan-defendan?

(b) sama ada Nirmala melanggar kontrak pekerjaannya dengan cara menyembunyikan dan/atau 'misrepresented' fakta-fakta dan butir-butir material yang diberikan kepada defendan-defendan/agensi pekerjaan, khasnya dalam borang KBR/2535/T? dan

(c) sekiranya Nirmala didapati berliabiliti kepada defendan-defendan, apakah ganti rugi yang dialami oleh defendan-defendan?

PENILAIAN KETERANGAN, PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG DAN DAPATAN MAHKAMAH

[11] Sama ada Nirmala telah didera dan dicederakan oleh Pek Ha dengan cara dan pada masa-masa sepertimana yang didakwa dalam perenggan 7 pernyata tuntutan pindaan seperti berikut:

(a) pada bulan Januari 2004 di alamat kediaman defendan-defendan, Pek Ha telah mencederakan Nirmala dengan melekapkan seterika panas di badan Nirmala. Akibatnya Nirmala mengalami penderitaan dari segi fizikal dan mental. Nirmala juga telah mengalami kesakitan yang tidak terkata;

(b) pada bulan Mac 2004 iaitu pada waktu siang di alamat kediaman defendan-defendan, Pek Ha telah menyebabkan kecederaan kepada Nirmala dengan menyimbah air panas ke atas badan Nirmala. Akibat daripada perbuatan Pek Ha tersebut Nirmala telah mengalami kecederaan yang teruk dan ia juga mengakibatkan parut-parut yang kekal di permukaan kulit Nirmala. Nirmala juga telah mengalami kesakitan yang teruk;

(c) pada bulan Mac atau April 2004 di alamat kediaman defendan-defendan, Pek Ha telah sekali lagi menyebabkan cedera parah kepada Nirmala dengan menggunakan seterika panas. Akibatnya

Nirmala telah mengalami penderitaan dari segi fizikal dan mental. Nirmala juga telah mengalami kesakitan yang tidak terkata;

(d) pada 17 Mei 2004, lebih kurang pada pukul 3 petang dicederakan, di alamat kediaman defendan-defendan, Pek Ha telah mencederakan Nirmala dengan memukul dan mengetuk di bahagian dahi Nirmala beberapa kali dengan menggunakan cawan besi. Pada masa itu, Nirmala telah mengambil kesempatan lalu melarikan diri ke bilik pengawal dan seterusnya melaporkan hal ini kepada pihak polis; dan

(e) pada kesemua masa yang material, semenjak Nirmala bekerja di bawah jagaan defendan-defendan, Nirmala sentiasa didera oleh Pek Ha dengan memukul Nirmala menggunakan penggantung baju (*hanger*) plastik.

Merujuk kepada perkara 7(i) penyata tuntutan pindaan sama ada pada bulan Januari 2004 Pek Ha telah mencederakan Nirmala dengan melekapkan seterika panas di badannya. Dikatakan bahawa akibatnya Nirmala mengalami penderitaan dari segi fizikal dan mental. Nirmala juga dikatakan telah mengalami kesakitan yang tidak terkata

[12] Mengikut keterangan Pek Ha dan suaminya, pada Januari 2004, anak sulung mereka baru bermula pergi ke sekolah. Terdapat keterangan yang menunjukkan *pada masa tersebut terdapat kejadian* di mana Nirmala disuruh menggosok uniform sekolah untuk dipakai ke sekolah pada keesokan harinya. Diceritakan oleh defendan-defendan bahawa pada tempoh tersebut terdapat kejadian di mana Nirmala telah masuk ke dalam bilik tetamu untuk menggosok satu set uniform sekolah.

[13] Selepas setengah jam didapati Nirmala masih belum keluar dari bilik tersebut. Mengikut keterangan defendan-defendan dalam kejadian tersebut apabila Pek Ha dan suaminya masuk ke dalam bilik tersebut mereka mendapati Nirmala sedang duduk di atas katil bilik tetamu sedang mengupas kuping kudis di kakinya. Mengikut keterangan defendan-defendan dalam kejadian itu mereka mendapati terdapat bekas-bekas kuping kudis Nirmala di atas lantai bilik tersebut.

[14] *Berhubung tempoh yang sama* terdapat keterangan Nirmala mengenai satu kejadian di mana beliau telah didera kerana baju yang digosok kurang licin. Mengikut Nirmala, dalam kejadian tersebut Pek Ha telah menyuruh beliau membuka baju dan colinya dan telah meletakkan permukaan seterika panas pada bahagian belakang badannya sebanyak dua kali.

[15] Keterangan Nirmala menunjukkan kepada mahkamah dalam kejadian pertama bila mana Pek Ha meletakkan seterika panas di badannya Nirmala telah menjerit dan menangis dan Pek Ha telah memberitahu jika Nirmala

menjerit beliau akan mengulangi perlakuan meletakkan seterika panas pada badannya lagi. Nirmala mengatakan bahawa sebaik sahaja selepas kejadian melekap seterika panas itu Pek Ha telah menyuruh beliau membersihkan seterika tersebut kerana kulit Nirmala telah melekat pada seterika itu. Mengikut Nirmala selepas kejadian, beliau tidak diberi ubat dan tidak dibawa ke klinik.

[16] Nirmala telah merujuk kepada gambar-gambar di P1(I) di ikatan dokumen B1 ms 54 (sila juga lihat P1(I) gambar asal) dan mengikutnya gambar tersebut menunjukkan keadaan di bahagian belakangnya setelah diletakkan seterika panas oleh Pek Ha menyebabkan terdapatnya luka berbentuk seterika di bahagian sebelah kiri dan kanan bahagian belakang badannya. Mengikut keterangan Nirmala akibat kejadian ini beliau mengalami kesakitan apabila memakai coli dan bajunya serta keperitan dan kesakitan semasa mandi apabila luka-luka tersebut terkena air. Ini menyebabkan beliau tidak dapat tidur dengan lena kerana kesakitan, serta telah mengalami tekanan emosi.

[17] Dalam pemeriksaan balas oleh peguam defendan, Nirmala telah dimaklumkan bahawa kejadian melekap seterika panas di belakang badannya tidak pernah terjadi memandangkan tidak pernah ada apa-apa tanda parut seterika di belakangnya. Yang bijaksana peguamcara defendan menghujahkan bahawa apabila Nirmala diminta untuk menunjukkan kepada mahkamah di manakah di gambar P1 bekas-bekas luka tersebut, 'Plaintiff kept on looking at the photo and could not point to any visible iron marks on her back'.

[18] Peguamcara juga mempersoalkan mengapa Nirmala memaklumkan kepada mahkamah 'there were clear visible iron marks in the first place?' Mengikut peguamcara defendan Nirmala berbohong kepada mahkamah dalam perkara ini dan meminta mahkamah menerima pandangan seorang doktor pakar ('SD4') yang dikemukakan oleh pihak defendan. SD4 yang memaklumkan kepada mahkamah bahawa keterangannya adalah berdasarkan gambar-gambar Nirmala dan dokumen-dokumen berkaitan yang diberi kepadanya untuk rujukan, telah memeriksa gambar-gambar mengenai kecederaan yang dialami oleh Nirmala dan telah memutuskan, 'there are no visible iron marks'.

[19] Mengenai kecederaan di bahagian belakang Nirmala, *di antara keterangan-keterangan* yang membantu mahkamah untuk menyelesaikan isu yang sedang dipertimbangkan serta mendorong mahkamah mencapai keputusannya adalah seperti berikut:

> Dr Kasinathan Nadesan adalah Jururunding Kanan dalam jurusan Forensic Pathology yang telah mengamal sejak 1976. D34 adalah laporan yang telah disediakan oleh beliau setelah memeriksa Nirmala dan melihat gambar-gambar

serta dokumen-dokumen yang telah disediakan oleh Dr Afniza, Dr Hamidah dan Dr Salina serta nota-nota kes yang telah disediakan oleh doktor-doktor, nyataan tuntutan, nyataan pembelaan dan laporan polis.

[20] Dengan merujuk kepada gambar P1(I) Dr Nadesan telah berkata di ms 1830 di para akhir NKCRT Jld 7: '... at no stage I could very firmly say that this had been caused by an iron, a hot iron. The appearance of it, it appears almost like a splash mark where hot water or hot fluid had been thrown at her back or fallen on her back resulting in the splash type of injury because ... if you look at the upper chest towards the neck, etc there are splash marks; very obvious splash marks going upwards and ... also more importantly if you look down there are flow marks going along the gutter or the sort of the depressed area of the back area overlying the spine downwards and very clearly going up all the way to the right buttock. It is a typical behaviour of fluid being thrown down had she been in an upright or some kind of ...'.

[21] Di NKCRT Jld 7 ms 1831 Dr Nadesan berkata:

(If it is an iron, My Lady if an iron is being used, *of course had there been an iron mark before, I would never be able to say because this pattern had virtually masked*, if there were any underlying injury, *so I'm not in the position to comment about that*).

[22] Di NKCRT Jld 7 ms 1835 apabila disoal oleh peguamcara defendan, Dr Nadesan memberi keterangan seperti berikut:

S: Can you tell the Court by looking at these photographs here OK, is there any physical evidence to support the view that the injuries were caused by the hot iron. I may be asking repeating again?

A: As I have said, my impression was caused by hot liquid probably hot water. *But had there been any iron marks (if at all) it may have been masked by these injuries so I would never be able to answer that question.*

[23] Mahkamah ambil ingatan bahawa Nirmala adalah saksi pertama dalam kes ini dan telah memberi keterangan lama sebelum Dr Nadesan memberi keterangannya. Di NKCRT Jld 1 ms 234 apabila peguamcara defendan meminta Nirmala menunjukkan bentuk seterika yang dikatakan terdapat di bahagian belakangnya, Nirmala telah melukis satu garisan di gambar P1(I) di ms 54 ikatan dokumen B1. Berikutan daripada ini peguamcara defendan telah menyoal Nirmala dan Nirmala telah menjawab seperti berikut:

S: Bolehkah kamu tanda bentuk seterika yang kamu katakan diletak atas badan kamu?

J: Tidak kelihatan.

J: *Tak nampak sangat.*

S: Mukasurat 54 ya betul?

Bersambung keterangan di ms 235 NKCRT Jilid 1:

J: Ini di belakang saya.

S: Nampak ke tak nampak?

J: Tak nampak.

S: Tak nampak ya. OK. Direkodkan tak nampak bentuk seterika.

Jurubahasa Indonesia berkata: Yang Arif saksi menjawab dia kena tutup dengan air panas.

[24] Keterangan seterusnya antara peguamcara defendan dan Nirmala di NKCRT Jld 1 ms 238 adalah seperti berikut:

S: Manakah seterika?

J: Tidak ada kerana sudah tertutup dengan luka yang lain.

[25] Apabila di soal semula untuk penjelasan Nirmala telah menjawab di ms 899 NKCRT Jld 3 seperti berikut:

J: *Luka yang di belakang ialah luka seterikaan tapi saya ditutupi oleh luka air siraman air panas, jadi tidak kelihatan.*

[26] Merujuk kembali kepada soalan peguamcara defendan dan jawapan Dr Nadesan di NKCRT Jld 7 ms 1833:

S: Do you make any, Dr, do you make any definitive finding you mentioned that water is splashed?

J: Yes one possibility of course somebody threw hot water on her back. That is one of the possibilities because that fluid will keep on splashing in various directions or else also other possibilities, of course. But I said hot water coming into contact with her back.

[27] Di ms 1836 di NKCRT Jld 7 terdapat keterangan Dr Nadeson seperti berikut: 'My impression actually about this whole thing is this had happened — *this scalding had happened most likely while she was wearing a t-shirt or something like that ...*'.

[28] Dalam perkara ini terdapat keterangan Nirmala yang memberitahu mahkamah bahawa beliau pernah disiram air panas oleh Pek Ha semasa beliau sedang membasuh di bilik air.

[29] Mengenai bekas seterika di bahagian belakang Nirmala saya telah melihat gambar P1(I) (gambar besar) yang mana adalah sama dengan gambar P1(I) dalam Ikatan B1 (ms 54). Di ms 54 B1 Nirmala telah melukis satu garisan pendek untuk menunjukkan sebahagian sahaja daripada bekas seterika

yang dikatakannya itu (yang dikatakan telah ditutupi oleh parut curahan air panas) apabila diminta berbuat demikian oleh peguamcara defendan.

[30] Di ms 2171 NKCRT Jld 7 apabila mahkamah minta penjelasan (*clarification*) daripada Dr Nadesan mengenai garisan parut yang sama yang lurus dan terus *menurun ke bawah berikutan lukisan garisan yang dibuat oleh Nirmala di P1(I) ms 54 di B1* Dr Nadesan menjawab seperti berikut: 'That is indeed a straight line there ... but ... If you can stretch a point you can say it is the edge of the iron ... but if you can stretch a point My Lady, we *can say it may be an edge of an iron, but nothing much to complete the picture. But, there is a straight line there* ... but my concern was there are similar lines elsewhere also, so it, confuses the picture that is what ...'.

[31] Perlu disebut sedikit disini bahawa mahkamah memerhati kecenderungan Dr Nadesan semasa memberi keterangannya di mahkamah ini, yang beberapa kali menimbulkan kemusykilan saya. Berhubung dengan keterangan beliau tadi perlu dijelaskan bahawa, memandangkan mahkamah tidak menimbang kes jenayah di mana beban membukti pihak-pihak adalah berbeza dengan kes sivil yang sedang dibicarakan di sini, mahkamah membuat keputusan tidak memberi beratan kepada keterangan Dr Nadesan yang mengatakan, 'but my concern was there are similar lines elsewhere also, so it confuses the picture ...'. Perlu dikatakan gambar itu tidak mengelirukan saya.

[32] Berhubung dengan kecenderungan Dr Nadesan semasa memberi keterangan dan tindakan mahkamah untuk tidak mengguna pakai keterangannya pada bahagian yang merupakan sebagai pandangan beliau semata-mata (*bare expression of his opinion*) mahkamah telah merujuk kepada keputusan Brown AG CJ dalam *Sim Ah Song & Anor v Rex* [1951] 1 MLJ 150 di ms 151 yang berbunyi seperti berikut:

> The responsibility for the determination of this question, as in the case of every question upon which expert evidence is called, rested upon the court and not upon the expert. The business of an expert witness is to draw upon the store of his knowledge and experience in order to explain some matter which his experience should qualify him to understand. He is quite entitled to express his opinion, which indeed is the natural corollary of his explanation. But a bare expression of his opinion has no evidential value at all. Unless he gives an explanation which supplies the understanding of the subject which the court lacks, the court is in no better position than it was before to determine the question which it is its duty to determine, and if the court acts upon a bare expression of the expert's opinion the determination of the question becomes that of the expert and not of the court.

[33] Sehubungan dengan itu dan berbalik kepada soalan yang ditanya kepada Dr Nadesan di sini, tumpuan mahkamah adalah kepada garisan tepi parut (sebelah kiri) yang menurun ke bawah daripada dan mengikut garisan

yang dilukis oleh Nirmala sahaja, yang dikatakan oleh Nirmala sebagai menunjukkan sebahagian daripada bentuk seterika yang ditekap di belakangnya oleh Pek Ha dalam kejadian tersebut. Sehubungan dengan itu pandangan Dr Nadesan mengenai garisan-garisan lain di belakang Nirmala yang bukan jawapan kepada soalan yang ditanya, adalah diabaikan.

[34] Di ms 1898 NKCRT Jld 7 Dr Nadesan memberitahu, 'On the back of chest the injury pattern is more consistent or is rather as if it's caused by scalds caused by hot water falling on her back rather than due to hot iron (but as I have mentioned there could have been some I do not know *but there is a possibility that hot iron injury may have been there but may have been masked* by the overlying scalds here)'.

[35] Dalam perkara ini saya telah mengkaji keterangan yang ada secara keseluruhan dan juga keterangan Dr Nadesan secara khusus mengenai parut melecur akibat kena air panas di belakang Nirmala. Saya juga telah mendengar keterangan Nirmala sebelum itu bahawa beliau telah disiram air panas selepas kejadian ditekap dengan seterika panas.

[36] Merujuk kepada keterangan-keterangan yang wujud mengenai parut-parut di belakang Nirmala, atas imbangan kebarangkalian mahkamah menerima keterangan Nirmala sebagai benar bahawa seterika panas pernah ditekap di belakangnya sebelum sebahagian besar parut-parut tersebut diliputi oleh parut siraman air panas di bahagian belakang badannya.

[37] Setelah memutuskan sedemikian mahkamah telah menimbang sama ada penekapan seterika panas tersebut boleh dilakukan oleh Nirmala sendiri seperti yang dicadangkan oleh pihak defendan-defendan. Merujuk kepada keterangan dan dengan melihat kepada parut-parut di belakang badan Nirmala serta bentuk dan posisinya, atas imbangan kebarangkalian dapatan mahkamah adalah bahawa tidak munasabah dan mustahil bagi Nirmala sendiri, mahupun seorang manusia lain, untuk melakukan perkara sedemikian di atas badan sendiri di bahagian belakang untuk menghasilkan bentuk parut seterika seperti itu dan di posisi seperti yang dapat dilihat di gambar P1(I) di bahagian kiri belakang badan Nirmala.

[38] Di saat ini saya merasa yakin atas desakan Nirmala bahawa beliau tidak mencederakan dirinya sendiri seperti yang dikatakan oleh defendan-defendan. Ketika ini juga saya mendapat keyakinan bahawa Nirmala bercakap benar apabila beliau mengatakan Pek Ha telah menderakannya.

[39] Ini menjawab pencarian mahkamah sama ada Pek Ha berpotensi untuk melakukan perlakuan seumpama itu. Di saat ini atas imbangan kebarangkalian mahkamah berpuas hati bahawa Pek Ha berpotensi melakukan perbuatan

sedemikian dan beliau telah menekap seterika panas di belakang Nirmala seperti yang diceritakan oleh Nirmala kepada mahkamah.

[40] Perlu disebut bahawa pada sepanjang masa tempoh kejadian Nirmala hanya berada di bawah kawalan defendan-defendan sahaja. Di perenggan 13 pernyata pembelaan terpinda defendan-defendan memplidkan bahawa kecederaan yang didakwa oleh plaintif adalah disebabkan oleh plaintif sendiri ataupun dalam perkataan lain ianya diakibatkan oleh plaintif sendiri ke atas badannya (*self-inflicted*). Dalam pembelaan defendan-defendan tidak pernah melibatkan pihak ketiga berkaitan kecederaan yang dialami oleh Nirmala.

Merujuk kepada perenggan 7(ii) penyata tuntutan pindaan sama ada pada bulan Mac 2004 Pek Ha telah menyebabkan kecederaan kepada Nirmala dengan menyimbah air panas ke atas badannya. Dikatakan bahawa dalam kejadian itu akibat daripada perbuatan Pek Ha tersebut Nirmala telah mengalami kecederaan yang teruk yang mengakibatkan parut-parut yang kekal di permukaan kulit Nirmala. Nirmala mengatakan beliau telah mengalami kesakitan yang teruk

[41] Atas persetujuan kedua-dua pihak, keterangan di bawah isu ini adalah tertumpu kepada kecederaan dan parut di bahagian peha Nirmala (kaki) sahaja.

[42] Sehubungan dengan parut di peha Nirmala mengikut keterangan Nirmala pada suatu hari sekitar bulan Mac 2004 atau April 2004, semasa Pek Ha sedang menjerang air panas untuk memasak Maggi, Pek Ha telah bertanya kepada Nirmala sama ada beliau telah mandi pada pagi tersebut. Pek Ha telah bertanya kepada Nirmala mengapa rambutnya tidak basah dan apabila Nirmala menjawab sebabnya adalah kerana kepalanya luka akibat pukulan oleh Pek Ha, Pek Ha telah menyimbah air panas itu ke sebelah peha kanan Nirmala sambil berkata lain kali Nirmala kena basahkan kepalanya.

[43] Mengikut Nirmala akibat kena air panas yang disimbah itu beliau telah jatuh ke lantai dan duduk di situ kerana kesakitan. Gambar di ms 57 dan 58 di B1 yang ditunjuk kepada mahkamah oleh Nirmala adalah gambar luka yang dikatakan sebagai parut akibat penyimbahan air panas ke pehanya oleh Pek Ha.

[44] Pek Ha menafikannya. Mengikut hujah peguamcara defendan-defendan, Nirmala telah menyiram air panas ke atas dirinya sendiri. Peguamcara defendan berkata demikian berdasarkan bentuk parut, berdasarkan besarnya parut serta posisi parut di peha Nirmala, yang dikatakan tidak selaras dengan cerita yang dikemukakan oleh Nirmala yang telah menganggarkan air yang dicurah sebanyak dua cawan sahaja. Keterangan Dr Nadesan dan hujah peguamcara defendan menyokong keterangan Pek Ha dalam perkara ini.

[45] Semasa memberi keterangannya Nirmala juga telah mendemonstrasi di mahkamah bagaimana, dan cara air itu dicurah ke kaki kanan beliau, yang dikatakan sedang berdiri pada masa kejadian. Mengikut ceritanya, air panas tersebut dicurah oleh Pek Ha yang sedang berdiri di hadapan Nirmala dan sedang mengadap beliau. Dengan mencurah air panas sebanyak yang dikatakan oleh Nirmala itu, dengan menggunakan tangan kanan secara yang ditunjukkan oleh Nirmala itu, dihujahkan oleh peguamcara defendan sebagai tidak akan menyebabkan kaki Nirmala melecur di bahagian kanan peha kanannya sebesar dan separah yang dapat di lihat di gambar eksh P1(O).

[46] Dengan merujuk kepada keterangan Nirmala serta demonstrasinya, dengan merujuk kepada keterangan Dr Nadesan dan hujah dari peguam masing-masing dan atas imbangan kebarangkalian mahkamah mendapati Nirmala gagal membuktikan kecederaan yang dialami seperti di gambar P1(O) itu di sebabkan oleh Pek Ha dengan menggunakan anggaran dua cawan air panas yang dijirus dari sudut serta cara seperti yang diceritakan dan ditunjukkan oleh Nirmala.

[47] Pada masa yang sama, mahkamah mendapati keterangan dan hal keadaan kes juga tidak menyokong dakwaan defendan-defendan (khususnya Pek Ha) bahawa Nirmala telah melakukannya ke atas dirinya sendiri. Menjirus air panas yang boleh menyebabkan parut sedalam dan sebesar itu ke atas diri sendiri!! Mahkamah mendapati tiada keterangan secukupnya (sama ada dari sudut pandangan seorang yang munasabah mahupun dari sudut pandangan mana-mana pakar yang telah memberi keterangan di mahkamah) untuk menunjukkan bahawa Nirmala bukan seorang manusia normal dan bahawa beliau tidak akan merasa sakit apabila disiram air sepanas itu. Nirmala Bonat bukan boneka.

[48] Pada masa yang sama keterangan dan fakta adalah jelas, bahawa pada setiap masa selama lapan bulan Nirmala bekerja dengan defendan-defendan, beliau tidak pernah kemana-mana kecuali berada dalam apartmen tersebut sahaja. Keterangan adalah cukup untuk menunjukkan bahawa pada setiap masa itu Nirmala berada di bawah kawalan defendan-defendan sahaja. Di samping itu mahkamah juga sekali lagi mengambil ingatan bahawa defendan-defendan memplid bahawa Nirmala sendiri yang telah menyebabkan segala kecederaan dan parut yang berada di badannya. Tiada pihak ketiga atau pihak lain yang dibangkitkan berkaitan kecederaan-kecederaan dan parut-parut yang dialami oleh Nirmala.

[49] Walaupun begitu, untuk membolehkan mahkamah membuat keputusan mengikut keterangan 'circumstantial' seperti yang dicadangkan oleh peguamcara plaintif, bahawa Pek Ha yang melakukannya, pada pandangan mahkamah adalah perlu bagi plaintif untuk menutup segala ruang

'kemungkinan munasabah' yang dapat difikirkan mengikut hal keadaan kes ini. Sebagai contoh, masih ada kemungkinan air panas telah tertumpah ke atas peha Nirmala. Untuk menutupkan ruang 'kemungkinan munasabah' tersebut perkara itu perlulah dibangkitkan dalam bentuk soalan kepada Nirmala dan perlu dijawab oleh Nirmala bahawa setiap kemungkinan yang diaju kepadanya dalam perkara ini tidak berlaku sebelum prinsip keterangan hal keadaan 'circumstantial' boleh digunapakai.

[50] Adalah tidak adil bagi mahkamah memutuskan bahawa memandangkan kecederaan-kecederaan dalam perenggan 7(i), (iii), (iv) dan (v) telah terbukti maka secara automatiknya defendan-defendan bertanggung jawab atas kesemua kecederaan dan parut-parut yang ada pada Nirmala. Setiap dakwaan ke atas Pek Ha perlu pembuktian yang nyata sepertimana yang diperuntukkan di bawah s 103 Akta Keterangan 1950 yang berbunyi seperti berikut.

[51] Beban membukti tentang apa-apa fakta tertentu terletak pada orang yang berkehendakkan mahkamah mempercayai tentang kewujudan fakta itu, melainkan jika diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang bahawa bukti mengenai fakta itu terletak pada mana-mana orang tertentu.

[52] Memandangkan ini adalah kes sivil maka tiada jalan lain kecuali beban membukti terletak di atas plaintif untuk membuktikan setiap pengataan fakta yang plaintif berkehendakkan mahkamah mempercayai, sepertimana yang ditetapkan oleh undang-undang.

[53] Berkaitan kecederaan di bawah perenggan 7(ii) secara spesifiknya, mahkamah ini mendapati kecederaan yang ditunjukkan adalah tidak selaras dengan keterangan seperti mana yang diterangkan awal tadi, atas imbangan kebarangkalian mahkamah mendapati dari segi undang-undang Nirmala gagal membuktikan bahawa kecederaan ini disebabkan oleh perlakuan Pek Ha ke atasnya.

Merujuk kepada perenggan 7(iii) penyata tuntutan pindaan sama ada pada bulan Mac atau April 2004 Pek Ha telah sekali lagi menyebabkan cedera parah kepada Nirmala dengan menggunakan seterika panas. Akibatnya dikatakan Nirmala telah mengalami penderitaan dari segi fizikal dan mental. Nirmala juga telah mengalami kesakitan yang tidak terkata

[54] Mengikut keterangan Nirmala pada sekitar bulan Mac atau April 2004 beliau telah sekali lagi didera dengan seterika panas oleh Pek Ha di bahagian badannya. Mengikut keterangan Nirmala, ini terjadi apabila Pek Ha sekali lagi menjadi marah bila mendapati baju yang beliau sedang digosok adalah kurang licin. Sehubungan dengan itu Pek Ha dikatakan telah menyuruh Nirmala

menanggal baju dan colinya. Nirmala telah disuruh berdiri tegak dan Pek Ha telah meletakkan seterika panas pada bahagian payudaranya di sebelah kiri dan kanan. Selepas itu, Nirmala telah disuruh membersihkan seterika di mana telah terlekat kulit beliau.

[55] Nirmala menceritakan bahawa berikutan daripada kejadian ini beliau mengalami kesakitan dan tidak dapat memakai coli serta kesukaran apabila memakai baju. Mengikut Nirmala, beliau mengalami keperitan dan kesakitan apabila mandi dan terkena air serta sedih akibat tekanan emosi yang menyusul berikutan penderaan ini. Di P1 ms 53 ikatan dokumen B1 Nirmala telah menunjuk gambar-gambar bahagian payudaranya yang dikatakan oleh Nirmala adalah keadaannya setelah diletak seterika panas oleh Pek Ha. Mengikut Nirmala lagi, selepas kejadian ini beliau tidak dibawa ke klinik mahupun diberi ubat. Berkaitan kecederaan ini mahkamah juga merujuk gambar-gambar di ekshs (P1(A), (B), (C), (G) dan (H)), (P2(I) dan (J)), (P4(A), (B), (C), (F) dan (G)).

[56] Bagi tempoh yang sama, keterangan defendan-defendan menunjukkan dalam bulan April 2004 mereka telah memeriksa barang-barang Nirmala dan telah menjumpai barang-barang kemas Pek Ha, tersimpan dalam 'soft toy' yang telah diberi kepada Nirmala sebelum itu. Nirmala telah menyimpan 'soft toy' tersebut di dalam beg bajunya. Mengikut defendan-defendan lagi dalam kejadian tersebut Pek Ha dan suaminya telah berdepan (*confronted*) dengan Nirmala dan Nirmala telah mengaku bersalah serta berjanji tidak akan melakukannya lagi.

[57] Berbalik kepada kecederaan di kedua-dua belah payudara Nirmala mengikut peguamcara defendan-defendan, parut-parut luka yang jelas berbentuk seterika tidak boleh dilakukan oleh seseorang lain terhadap Nirmala. Mengikut beliau, ini adalah kerana tindakan normal seorang biasa yang berhadapan dengan ancaman seperti itu adalah mengelakkan dirinya daripada ditekap dengan seterika, maka tidak mungkin terjadi bentuk parut bentuk seterika yang elok seperti itu di dada Nirmala (mengikut apa yang dapat dilihat dalam gambar-gambar ekshibit).

[58] Mengikut hujah peguamcara defendan-defendan lagi secara logiknya bentuk seterika sedemikian hanya boleh terjadi jika orang itu sendiri yang mahu kesan sedemikian berada pada dirinya dengan cara melakukannya ke atas dirinya sendiri. Terlintas mengenai keterangan Nirmala bahawa apabila beliau cuba menghalang perbuatan Pek Ha, Pek Ha telah meletakkan seterika panas pada tangannya. Mengenai parut di lengan Nirmala, diperhatikan terdapat keterangan suami Pek Ha dalam keterangan awalnya bahawa beliau dan Pek Ha pernah bertanya Nirmala mengenai parut luka di lengannya dan Nirmala ada memberitahu bahawa secara tidak sengaja beliau telah 'ironed herself'.

[59] Walau apapun penerangan defendan-defendan mengenai jawapan Nirmala dan penafian Nirmala tentang penerangan itu, terdapat persamaan pada penerangan mereka bahawa terdapat kejadian di mana Nirmala pernah mengalami kecederaan di lengannya yang dari dulu lagi dikatakan sebagai akibat kena seterika panas.

[60] Berkaitan kecederaan pada badan Nirmala yang dikatakan telah disebabkan oleh seterika panas, peguamcara defendan-defendan mempertikaikan kredibiliti Nirmala atas alasan bahawa 'sequence' berlakunya kejadian seperti yang diceritakan oleh Nirmala bercanggah dengan apa yang pernah diceritakan oleh Nirmala mengenai perkara yang sama di mahkamah jenayah pada tahun 2004. Sehubungan dengan itu peguamcara defendan-defendan berhujah bahawa cerita yang dikemukakan oleh Nirmala tidak boleh diterima dan merupakan dakwaan yang tidak benar terhadap Pek Ha.

[61] Untuk menjelaskan perkara ini peguamcara defendan merujuk mahkamah kepada NKCRT Jld 1 ms 202 di mana melalui soalan peguamcara defendan-defendan dan jawapan Nirmala, tercatat keterangan seperti berikut:

S: Sorry? Tidak ingat. Saya merujuk kamu kepada ms 401 ... 404 Bundle B5 Yang Arif. Perenggan 20. Mula-mula katakan, Puan Nirmala, mula-mula kamu katakan baru tadi bahawa belakang seterika buat belakang dulu lepas itu kamu katakan saya tidak pasti tidak ingat, sekarang saya tunjukkan kepada kamu bahawa atas sumpah kamu pernah mengatakan pertama kali seterika digunakan atas badan saya lebih 4 kali. Pertama kali digunakan di payudara saya, yang kali kedua di belakang saya.

S: Kamu setuju dengan jawapan atas sumpah kamu dalam prosiding yang terdahulu?

J: Tidak ingat.

[62] Daripada keterangan seperti di atas, dan dalam mengkaji seluruh keterangan yang ada, adalah jelas kepada mahkamah bahawa Nirmala tidak ingat mengenai 'sequence' kejadian letak seterika panas di badannya, sama ada di payudara dahulu ataupun di belakangnya dahulu. Dalam perkara ini saya menerima mengikut rujukan peguam kepada nota keterangan mahkamah jenayah 2004 yang dirujuk untuk tatapan mahkamah sepertimana tercatat di B5, bahawa sepuluh tahun yang sudah Nirmala telah memberi keterangan di mahkamah jenayah bahawa kejadian letak seterika panas telah berlaku di payudara dahulu. Dalam kejadian kedua baru diletakkan seterika panas di belakang badannya. Mengenai kredibiliti Nirmala dan saksi-saksi lain akan dibincangkan di bawah tajuk yang berasingan.

[63] Mengenai persoalan samada Nirmala memakai coli ataupun tidak semasa kejadian meletak seterika di badan Nirmala (secara khususnya di payudara Nirmala) mahkamah menerima keterangan Nirmala yang memaklumkan kepada mahkamah daripada ingatannya yang jelas bahawa dalam kejadian meletak seterika di kedua-dua belah payudara beliau telah disuruh oleh Pek Ha supaya membuka colinya.

[64] Dalam perkara ini terdapat keterangan daripada Dr Nadesan yang memaklumkan seperti berikut:

> Yes. Now the story about the bra is of course (this one of the things I've been talking about of) is the clear markings clear pattern defined on the front of chest. And it's sort of (I would call it) ... sort of a controlled placement of the hot iron on the chest leading to this neat edge injury without any smudging. *For that to happen, one would generally expect a bare body* than something covered with a cloth or a thick brassiere with a thick cup and so forth. And also *I suspected*, I have to give a serious thought to self-infliction (eventhough I'm not here because I'm not an eye witness to what had happened). *So based on analysing the injury pattern one has to give serious thought to self-infliction based on the neat pattern, the serial manner, as if it was a stamp*, clearly without edges being smudged and having the same kind of gradient-vertical oblique, vertical oblique, clean edges and also confining to ... in fact, it's more like ... you see it's just speculative one ... like a left handed person who could easily place an iron on the chest which will end up something like that.
>
> S: *You mean slant?*
>
> J: Because *if you are a left handed, the iron will tend to go like that and also like that tending to shift towards the right side of the body* because *a right hand will cause self inflicted cuts My Lady, on the left side accessible area.* So these are accessible areas for the left handed person. But of course I established ... but she signs with her right hand. She's not a left handed person as far as writing is concerned. But I don't know anything beyond because there are people who are ambidextrous because they can use both hands. It's pure speculation but all what I say is that it has a peculiar pattern, peculiar distribution without any evidence of a struggle so one has to give serious thought for the possibility of self-infliction, that's all I could say.

[65] Dalam menilai dan menimbang semua keterangan yang dikemukakan berkaitan dakwaan dalam 7(iii) penyata tuntutan terpinda saya telah fokus kepada dapatan mahkamah bahawa kejadian meletak seterika panas ke atas payudara Nirmala merupakan kejadian pertama seterika panas diletakkan di badan Nirmala. Menurut keterangan Nirmala (yang didapati 'corroborated' melalui kandungan di P9 oleh Dr Salinan) Pek Ha telah berlaku baik terhadapnya sejak awalnya.

[66] Saya sendiri menilai Pek Ha semasa beliau memberi keterangan di mahkamah. Daripada raut wajahnya yang ayu, tingkah laku serta pergerakan badannya yang lemah lembut, malah dari struktur badannya Pek Ha bukanlah seorang yang besar-agam ataupun berperwatakan kasar. Dari segi pertuturannya, beliau tidak pernah walaupun sekali meninggikan suaranya pada sepanjang tempoh beliau memberi keterangan di mahkamah. Semuanya ini menceritakan mengenai gerak-geri Pek Ha didapati selaras dengan cerita Nirmala yang dikatakan baik terhadap Nirmala, hinggalah kejadian yang didakwakan itu berlaku.

[67] Tidak hairanlah pada kejadian pertama, *siapa sangka* bahawa Pek Ha akan meletakkan seterika panas pada payudara Nirmala. Ini menerangkan kepada mahkamah mengapa Nirmala tidak bergelut atau merentap dengan Pek Ha. Mengikut keterangan dan hal ehwal kes, adalah munasabah tiada siapa yang akan menyangka kejadian seperti itu boleh berlaku. Keadaan ini menerangkan kepada Mahkamah mengapa kejadian seperti itu boleh berlaku 'without any evidence of a struggle' seperti mana yang disebut oleh Dr Nadeson dalam keterangannya.

[68] Di samping itu dalam menimbang perkara ini, mahkamah juga mengambil perhatian keterangan Dr Nadesan yang mengatakan bahawa kecederaan di bahagian kulit payudara Nirmala akibat ditekap seterika panas adalah 'superficial'. Didapati laporan perubatan Dr Afnizar dalam P6 juga menyatakan kecederaan di payudara Nirmala sebagai 'superficial burns to both breast — 15 x 8 cm each'.

[69] Dalam hal ini sesiapa sahaja boleh membuat kesimpulan dengan munasabahnya bahawa jika seterika panas diletak atas kulit manusia dalam jangka masa yang lama, tidak akan mengakibatkan kecederaan yang 'superficial'. Kecuali jika seterika panas ditekap dengan pantas tetapi seperti yang dikatakan oleh Dr Nadesan sebagai 'controlled placement of hot iron on the chest' untuk menghasilkan parut yang begitu kemas serta kedudukan yang begitu teratur dan tepat seperti yang dapat dilihat dalam gambar-gambar dan sepertimana diterangkan oleh Dr Nadesan itu.

[70] Atas imbangan kebarangkalian, adalah sukar untuk saya berpandangan bahawa seorang yang tahu kesakitan yang bakal dihadapi dalam kejadian seperti itu dapat bertindak dengan penuh keyakinan untuk meletakkan seterika panas di atas payudaranya sendiri (yang beliau perlu agak kedudukannya) dengan menghasilkan parut yang begitu kemas seperti yang diterangkan oleh Dr Nadesan sebagai 'leading to this neat edge injury without any smudging ...' dengan bucu seterika tersebut mengadap ke atas dengan eloknya.

[71] Selain daripada itu berbalik kepada keterangan Dr Nadesan beliau ada berkata: A

> ... if you are a left handed, the iron will tend to go like that and also like that tending to shift towards the right side of the body because a right hand will cause self inflicted cuts My Lady, on the left side accessible area.

B

[72] Dari keterangan Dr Nadesan sepertimana yang dikatakan itu apa yang saya faham adalah jika seseorang menghasilkan *kecederaan sedemikian pada diri sendiri (self-infliction) parut yang akan dihasilkan akan condong samada ke kiri atau ke kanan dada (payudara)* mengikut keadaan, yang *bergantung kepada tangan mana digunakan* untuk menekap seterika panas di badan sendiri. C

[73] Sehubungan dengan keterangan Dr Nadesan tersebut saya telah merujuk dan meneliti gambar-gambar (P1(A), (B), (C), (G) dan (H)), (P2(I) dan (J)), (P4(A), (B), (C), (F) dan (G)). D

[74] Di gambar-gambar tersebut jika dilihat pada *payudara kiri Nirmala* yang menunjukkan bekas parut ekoran daripada satu kali tekapan dan tidak bertindih (berbanding dengan gambar payudara kanan Nirmala dimana terdapat pertindihan parut) *bentuk parut berbentuk seterika dan bucunya adalah menegak ke atas*. Dengan merujuk kepada deskripsi oleh Dr Nadesan mengenai perkara ini, 'probability' nya adalah parut sebegini bukanlah dihasilkan oleh 'self-infliction' memandangkan ianya tidak condong ke kanan ataupun ke kiri. E

F

[75] Selain daripada itu peguamcara defendan telah mempertikaikan tindakan Nirmala yang dikatakan sebagai tidak selaras dengan orang yang diperlakukan penganiayaan terhadapnya. Peguamcara defendan berhujah bahawa jika benar seperti mana yang dikatakan oleh Nirmala, Nirmala mempunyai banyak kebebasan untuk keluar masuk dan lari dari apartmen tersebut. Nirmala boleh menelefon agennya untuk mendapatkan bantuan dan beliau akan memaklumkan kepada kaum keluarganya di Jakarta melalui surat. G

[76] Bersangkutan perkara ini Nirmala menerangkan bahawa: apartmen tersebut terletak di tingkat 25. Selepas pertama kali beliau dibawa ke situ beliau tidak turun dan tidak pernah dibawa kemana-mana selama lapan bulan. Nirmala mengatakan beliau keluar dan masuk hanya untuk membuang sampah dan siram pokok yang semuanya terletak di tingkat yang sama. H

I

[77] Mengikut keterangan Nirmala, beliau pernah lari dua kali tetapi tidak berani untuk pergi jauh. Jarak yang paling jauh adalah di kawasan berdekatan lif dan di tangga sahaja. Beliau mengatakan beliau tidak berani memandangkan Malaysia bukan negaranya dan beliau tidak akan tahu untuk

menuju kemana-mana jika beliau berjaya keluar dari bangunan tersebut. Di samping itu beliau tidak ada saudara ataupun kawan yang boleh membantu beliau.

[78] Beliau memaklumkan walaupun telefon tidak berkunci beliau tidak berani mengguna telefon sebab Pek Ha memberitahu di apartmen tersebut telah dipasang CCTV, jika beliau menggunanya majikannya akan tahu. Mengikut D17 yang menetapkan syarat-syarat bekerja di bawah tajuk kelakuan peribadi, Nirmala tidak boleh guna telefon tanpa keizinan majikannya. Beliau tidak memaklumkan apa-apa mengenai apa yang beliau sedang lalui kepada keluarga di kampung kerana surat yang akan dihantar perlu diserahkan kepada majikannya terlebih dahulu dalam keadaan terbuka yang mendedahkan kandungannya. Apa yang dimaklumkan oleh Nirmala adalah kebimbangannya.

[79] Mengikut Nirmala beliau tidak berani mencatat apa-apa tentang kejadian dan tarikhnya dalam diari untuk dijadikan bukti kerana tindakannya akan terdedah untuk diketahui oleh defendan-defendan. Mahkamah mendapati keterangan-keterangan Nirmala seperti dikatakan itu tidak berjaya disangkal oleh defendan-defendan.

[80] Dengan itu berbalik kepada dakwaan dalam perenggan 7(iii) pernyataan tuntutan terpinda, sebagai kesimpulannya dan atas imbangan kebarangkalian mahkamah mendapati kesilapan Nirmala dari segi 'sequence' mengenai kejadian menekap seterika panas di badannya oleh Pek Ha, tidak menjejaskan keterangan beliau bahawa kejadian-kejadian tersebut sememangnya telah menimpa dirinya mengikut 'sequence' yang telah diputuskan oleh mahkamah (berdasarkan keterangan dan hujah peguam).

[81] Merujuk kepada dakwaan di bawah perenggan 7(iii), berdasarkan keterangan dan atas imbangan kebarangkalian mahkamah menerima keterangan Nirmala sebagai benar. Dengan itu mendapati beliau telah berjaya membuktikan dakwaan tersebut sebagai benar.

Merujuk kepada 7(iv) penyata tuntutan pindaan samada pada 17 Mei 2004, lebih kurang pada pukul 3 petang Pek Ha telah mencederakan Nirmala dengan memukul dan mengetuk di bahagian dahi Nirmala beberapa kali dengan menggunakan cawan besi. Bahawa pada masa itu, Nirmala telah mengambil kesempatan lalu melarikan diri ke bilik pengawal dan seterusnya melaporkan hal ini kepada pihak polis

[82] Mengikut Nirmala pada 17 Mei 2004 lebih kurang jam 3.30 petang Pek Ha telah bertanya kepadanya sama ada beliau telah mandi. Apabila Nirmala menjawab 'sudah' Pek Ha telah bertanya lagi mengapa kepalanya berbau

busuk. Nirmala menjawab bahawa kepalanya masih luka akibat pukulan Pek Ha. Menyusul dari sini apabila Nirmala ditanya sama ada beliau mahu disimbah air panas dan dijawab tidak mahu, Pek Ha dikatakan dengan tiba-tiba telah mengambil cawan besi dan mula memukul Nirmala pada bahagian dahi, bibir dan hidungnya. Kemudian Pek Ha telah menyuruh Nirmala menadah darah yang keluar ekoran perbuatan itu, dan semasa itu Pek Ha dikatakan telah mencuba untuk mencurah air panas ke arah Nirmala.

[83] Mengikut Nirmala, kerana ketakutan beliau telah meninggalkan cawan besi tersebut di dapur, dan telah terus lari ke tangga di tingkat 25. Mengikut Nirmala lagi beliau telah duduk di situ sambil menangis kerana ketakutan. Inilah keadaannya seperti yang diceritakan sebelum Nirmala diselamatkan oleh pengawal keselamatan dan dibawa ke bilik pengawal keselamatan sebelum dibawa ke balai polis.

[84] Mengikut keterangan, Nirmala telah memaklumkan perkara ini kepada Dr Salina yang memeriksanya pada 25 Mei 2004 dan mencatatkan perkara tersebut di dalam laporan beliau di P9, 'She had tried to escape a few times but unsuccessful because she did not know where to go and was not familiar with her surrounding. On the day she escaped, she was seen and found by a security guard at the condominium and subsequently brought her to a police station'.

[85] Mengenai luka-luka yang berlaku dalam kejadian ini Nirmala telah merujuk gambar di ms 52 dalam Ikatan B1 (P1E dan P1F). Dalam gambar yang sama Nirmala menerangkan bahawa luka-luka di bahagian pipinya adalah akibat daripada kecalaran kuku Pek Ha. Mengenai cakar di muka Nirmala, mahkamah mendapati terdapat keterangan daripada suami Pek Ha dalam perkara ini bahawa beliau ada nampak pada lain-lain masa parut di bahagian lengan (*forearm*), dan kesan cakar (*scratch marks*) di bahagian bawah pipi Nirmala.

[86] Mengikut keterangan Dr Nadesan *melihat kepada bentuk kuku pada bekas cakaran di muka Nirmala* menunjukkan cakaran tersebut dilakukan oleh orang yang berdiri di hadapan dan mengadap Nirmala. Walau bagaimanapun kemudiannya Dr Nadesan telah menambah dengan berkata bahawa cakaran tersebut boleh juga dilakukan oleh Nirmala sendiri.

[87] Mengenai penggunaan cawan besi yang dikatakan oleh Nirmala sebagai telah digunakan oleh Pek Ha untuk memukul bahagian mukanya, adalah diperhatikan bahawa Nirmala tidak pernah walaupun sekali berkata bahawa cawan besi itu 'ringan'. Namun begitu itulah yang dikatakan oleh Dr Nadesan di NKCRT Jld 7 ms 1894 dan 1895 bahawa semasa sesi pemeriksaan Nirmala ada memberitahunya, '... she was beaten assaulted by her lady boss with an aluminium *light metal cup* on her face a few times and she started to bleed from

her nose then she also tried to throw hot water on her when she ran out of the apartment and hid behind the staircase'. Walau bagaimanapun perkara ini diperjelaskan kepada mahkamah berikutan soalan oleh peguamcara plaintif dan jawapan oleh Dr Nadesan di ms 1968 NKCRT Jld 7 seperti berikut:

S: Ok again further Dr, you have stated that, ok, it appeared to be made of light aluminium mug with dents at the bottom alright Dr. Can I put it to you that it is impossible to determine about the weight of the particular metal mug by looking at the photograph?

J: That's true, that's what I have commented here.

[88] Di peringkat ini berdasarkan keterangan mahkamah mendapati bahawa cawan besi yang dimaksudkan bukanlah cawan besi yang ringan. Perlu disebut disini juga bahawa dalam perkara ini berdasarkan keterangan mahkamah tidak menerima bahagian keterangan Nirmala yang mengatakan bahawa dalam kejadian ini Pek Ha telah cuba mencurah air panas ke atasnya.

[89] Mengenai kecederaan di muka Nirmala di bahagian dahi, hidung dan mulutnya yang dikatakan oleh Nirmala sebagai telah disebabkan oleh pukulan dengan cawan besi oleh Pek Ha, keterangan Dr Nadesan di NKCRT Jld7 ms 1889 adalah seperti berikut, '*Anyway all I say is there is no bleeding seen*. So all in all there is obviously ... there is evidence of blunt impact on the face especially on the forehead, My Lady. I can definitely say at least a minimum of 2 separate impacts on the forehead and that may have led to the contusions or orbital contusions around both eyes. And coming to the upper lip it could have been due to a separate impact due to a blunt force or maybe all inter related, I would not know, with associated nasal bone fractures ...'.

[90] Di NKCRT Jld 7 ms 1887 Dr Nadesan berkata: 'There was laceration on the mucosal aspect that is on the inner aspect of the lip that is suggestive again of blunt trauma to the area. And also there was medically there were some documentations about nasal bone fractures. *But it was not confirmed even by the radiologist as to whether it was fresh or recent. The radiologist report indicated that there was fracture* and no surrounding swelling which he thinks excludes that it was a fresh fracture ...'.

[91] Di NKCRT Jld 7 ms 1888 terdapat keterangan Dr Nadesan seperti berikut: 'Excludes that it was a fresh fracture. So that means it must have occurred sometime earlier but he could not go any further on that and also the photograph doesn't show any evidence of bleeding because *nasal bone fractures often bleed* ...'.

[92] Mengenai keterangan Dr Nadesan yang tidak dapat mengesan darah pada Nirmala (memandangkan beliau hanya merujuk kepada gambar-gambar

dan dokumen-dokumen). Mahkamah mengimbas kembali keterangan *suami Pek Ha (SD1) yang mengatakan bahawa pada 17 Mei 2004 (iaitu pada hari kejadian) beliau nampak titisan darah di luar apartmen beliau*. Sila rujuk gambar D48 yang menunjukkan kawasan di luar apartmen. D47 adalah lakaran rajah kasar tempat yang sama menunjukkan tanda X (mengguna dakwat merah) di mana titisan darah ditemui oleh suami Pek Ha pada hari kejadian (rujuk SESD1(B) pada soalan dan jawapan 50).

[93] Berhubung dengan kecederaan di kepala dan muka Nirmala, mengikut keterangan Pek Ha dan suaminya (berdasarkan apa yang diberitahu oleh Pek Ha kepada suaminya) Nirmala dikatakan suka menghempas kepalanya (*bang her head*) di dinding untuk mengatasi sakit kepalanya (*headache*) dan atas keinginannya untuk mencederakan diri sendiri. Ini dinafikan oleh Nirmala.

[94] Berkaitan perkara ini terdapat keterangan suami Pek Ha melalui soalan oleh peguamcara plaintif yang menarik perhatian mahkamah seperti berikut:

S: Is not it, someone bang her head on the wall?

J: Well but she always got a reason, so we accepted the reason.

S: What is the reason?

J: She got headache.

S: You mean migraine?

J: I won't know.

S: Ok, I put it to you that you did not take it seriously because sometimes you do the same. Do you agree?

J: While, if you ... I sometime got headache I also bang my head.

S: Until bleeding?

J: But not, but not to that sort of extent.

S: You mean Mr. Hii, you are saying that it is very common to knock the head whenever you get migraine?

J: I won't know about others.

S: And you do that as well?

J: I sometimes.

S: Sometimes? Bang on the wall until swollen?

J: No, no. Just bang on the wall, but not until swollen or bleeding.

[95] Keterangan suami Pek Ha menunjukkan kepada mahkamah ketidakmunasabahan bahawa seseorang itu akan menghantuk kepala dan muka sendiri ke dinding hingga bengkak dan berdarah semata-mata untuk menghilangkan sakit kepala.

[96] Setelah menimbang semua keterangan berkaitan hal ini, atas imbangan kebarangkalian mahkamah mendapati keterangan di atas menyokong keterangan Nirmala bahawa pada hari kejadian Pek Ha telah mengambil cawan besi dan memukul Nirmala pada bahagian dahi, bibir dan hidungnya yang telah mencederakan Nirmala hingga berdarah. Mahkamah berpuas hati bahawa kecederaan tersebut tidak disebabkan oleh perbuatan Nirmala sendiri ke atas dirinya sendiri.

Merujuk kepada perenggan 7(v) penyata tuntutan pindaan sama ada pada kesemua masa yang material, semenjak Nirmala bekerja di bawah jagaan Pek Ha dan suaminya, Nirmala sentiasa diderakan oleh Pek Ha dengan memukul Nirmala menggunakan penggantung baju (hanger) plastik

[97] Mengikut keterangan Nirmala selama lapan bulan beliau berada dengan keluarga defendan beliau telah didera oleh Pek Ha sepanjang masa tersebut. Pek Ha dikatakan selalu memarahinya supaya beliau menghabiskan tugas-tugasnya dengan cepat dan bersih. Nirmala mengatakan pada sepanjang tempoh tersebut beliau telah dipukul beberapa kali dengan 'hanger' baju pada bahagian belakang badan dan kepalanya. Gambar di ms 54 dirujuk (P1(I) dan P1(J)) dirujuk oleh Nirmala kepada mahkamah untuk menunjukkan garisan-garisan merah yang dikatakan sebagai kesan daripada pukulan oleh Pek Ha dengan menggunakan hanger baju. Semua itu dinafikan oleh Pek Ha.

[98] Sehubungan dengan perkara ini terdapat keterangan defendan-defendan yang menunjukkan bahawa daripada awal lagi (untuk contoh sila rujuk keterangan ms 25 NKCRT Jld 1) Nirmala tidak henti-henti merosakkan barang-barang dalam apartmen defendan. Banyak baju yang rosak lebih-lebih lagi semasa diseterika oleh Nirmala, dan banyak barang-barang Pek Ha dan anak-anak serta hadiah-hadiah sentimental telah pecah akibat kecuaian Nirmala.

[99] Semuanya ini telah diakui oleh Nirmala sebagai benar. P36 (dan Bundle B6) adalah diari yang mengandungi catitan oleh Pek Ha mengenai kerosakan-kerosakan yang dilakukan oleh Nirmala. Terdapat juga pengakuan daripada Nirmala sendiri bahawa beliau selalu lupa menutup api dapur gas setelah mengguna dan menyebabkan pembaziran. Keterangan ini menunjukkan kepada mahkamah bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk menyokong keterangan Nirmala bahawa sejak awal lagi beliau dirotan oleh Pek Ha.

[100] Dalam perkara ini peguamcara defendan-defendan telah merujuk mahkamah kepada keterangan Nirmala di ms 401 dan 402 nota keterangan jenayah bertanda B5 (P43) (Jld 2) di mana Nirmala memaklumkan bahawa pada bulan September, Oktober, November hingga Hari Natal beliau tidak dipukul. Mengikut keterangan Nirmala dalam keterangan terdahulu di mahkamah sesyen beliau mula dipukul pada bulan Januari 2004 dan seterusnya. Dalam perkara ini peguamcara defendan menghujahkan bahawa ini merupakan percanggahan kepada apa yang dikatakan oleh Nirmala sekarang.

[101] Sebagai penjelasan mengenai perkara ini, Nirmala menerangkan bahawa selama ini apabila beliau di rotan dengan 'hanger', baginya itu merupakan perkara kecil berbanding dengan penderaan ke atasnya yang bermula pada awal tahun 2004. Itulah penjelasan Nirmala tentang mengapa perkara ini tidak pernah berbangkit sebelum itu.

[102] Mengenai parut-parut yang dikatakan oleh Nirmala sebagai akibat daripada dirotan dengan 'hanger' yang ditunjuk oleh Nirmala melalui gambar-gambar di mahkamah, contohnya adalah seperti di gambar P1(I). Mengikut Dr Nadesan apa yang kelihatan di dalam gambar adalah tidak selaras dengan bekas ataupun parut yang diakibatkan oleh pukulan dengan 'hanger' plastik.

[103] Di samping perkara-perkara yang tersebut di atas, terdapat keterangan melalui laporan P9 yang disediakan oleh Dr Salina (atas apa yang dimaklumkan oleh Nirmala kepada Dr Salina) bahawa Nirmala telah dilayan dengan baik oleh Pek Ha sehinggalah dua bulan sebelum kejadian beliau didera secara fisikal, 'at the slightest mistake' di mana beliau turut dirotan dengan 'hanger'.

[104] Setelah menimbang segala keterangan yang berkaitan dan atas imbangan kebarangkalian Mahkamah mendapati adalah selamat untuk mahkamah memutuskan bahawa Nirmala telah dirotan dengan 'hanger' sejak dua bulan sebelum kejadian pada 17 Mei 2004. Dr Salina sebagai pihak ketiga dan seorang doktor tidak berkepentingan dan merupakan pihak neutral berkaitan kes-kes ini.

KREDIBILITI NIRMALA

[105] Saya mendengar dan melihat Nirmala. Saya menilai peribadi dan tingkah laku beliau semasa beliau hadir dan memberi keterangan di mahkamah. Saya tahu beliau mempunyai kepentingan dalam kes ini.

Sehubungan dengan itu mahkamah ambil ingatan keperluan untuk lebih berhati-hati dan mengawasi, kalau-kalau keterangan beliau menganiayai defendan-defendan.

[106] Saya juga beri pertimbangan bahawa Nirmala telah memberi keterangan berkaitan perkara yang sama lebih kurang sepuluh tahun yang lalu. Kemungkinan untuk terlupa memang ada, bukan Nirmala sahaja bahkan semua saksi-saksi lain juga, termasuk defendan-defendan dalam kes ini. Namun demikian keadaan ini tidak boleh dijadikan alasan untuk berbohong apabila memberi keterangan. Mahkamah perlu berhati-hati.

[107] Pengalaman melatih pegawai-pegawai kehakiman untuk menghidu dan mengesan pembohongan oleh saksi-saksi. Di samping itu terdapat prosedur-prosedur tertentu di segi undang-undang bagi tujuan 'check and balance' untuk memastikan dan membimbing saksi supaya tidak berbohong apabila memberi keterangan di mahkamah. Salah satu di antaranya adalah prosiding mencabar kebolehpercayaan seseorang saksi. Jika tercabar seluruh keterangannya akan diketepikan dan tidak diguna pakai. Peguamcara masing-masing dalam kes ini juga didapati handal-handal belaka dan mereka telah menyoal-balas saksi-saksi pihak lawan masing-masing untuk memastikan keterangan yang diberi adalah benar dan tidak menganiayai pihak lain.

[108] Daripada perhatian dan penghayatan kecenderungan saksi-saksi, mahkamah mendapati ada perkara yang Nirmala ingin sembunyikan daripada pengetahuan umum, seperti tarafnya sebagai anak. Pada pendapat saya ini tidak menjadikan Nirmala seorang yang tidak layak sebagai saksi. Apabila beliau memaklumkan perkara itu kepada seorang doktor atas dasar rahsia, dan keterangan beliau didapati berubah apabila beliau tidak lagi pasti kedudukan kerahsiaan maklumat peribadi yang ingin terus dirahsiakan, ini tidak menjadikan Nirmala sebagai seorang saksi yang tidak boleh dipercayai langsung.

[109] Namun demikian dalam keadaan lain, sebagai contoh apabila Nirmala ditanya sama ada beliau tahu maksud kemalangan beliau mengatakan beliau tidak tahu. Bila ditanya pula samada beliau tahu maksud kemalangan di jalanraya Nirmala juga mengatakan beliau tidak tahu maksudnya. Adalah jelas Nirmala berbohong dalam perkara ini. Pada masa yang sama mahkamah dapat menghidu kebimbangan Nirmala yang takut diperangkap oleh soalan daripada peguamcara pihak lawan. Atas kebimbangan ini membuatkan Nirmala memberi jawapan-jawapan yang menjejaskan kredibiliti beliau.

[110] Dalam keadaan yang lain Nirmala telah mengaku semua keburukan dan kesalahan beliau sepertimana diceritakan oleh defendan-defendan di

mahkamah. Beliau juga mengaku dalam keterangannya bahawa ia selalu lupa tutup api setelah diguna dan selalu membazir. Itu adalah keterangannya yang benar.

[111] Peguam defendan mengatakan keterangan Nirmala tidak boleh diterima memandangkan keterangannya bercanggah-canggah. Peguamcara defendan menarik perhatian mahkamah mengenai butir-butir diri Nirmala yang tidak tepat dalam borang profail serta passport Nirmala. Dalam perkara ini, kita termaklum, bahawa acapkali dilakukan dengan kerjasama agen-agen pembantu asing dalam kebanyakan kes untuk memudahkan kemasukan pekerja-pekerja asing ke negara ini. Sehubungan dengan jawapan-jawapan dalam contoh itu dan ada lagi yang lain-lain, menjadikan mahkamah tidak boleh mengatakan Nirmala sebagai seorang saksi yang begitu 'straight forward' apabila memberi keterangan.

[112] Adalah diperhatikan Nirmala mempunyai kesukaran apabila ditanya bertubi-tubi dalam berbagai bentuk soalan oleh peguamcara defendan mengenai tarikh-tarikh bila kejadian berlaku, siri urutan yang teratur (*sequence*) bila setiap kecederaan berlaku, dan apa tindakan serta pergerakannya satu persatu semasa kecederaan sedang berlaku terhadapnya. Nirmala diperlukan juga untuk memberi jawapan dan beliau telah memberi jawapan walaupun beliau tidak pasti mengenainya.

[113] Dalam hal ini walaupun berlaku kontradiksi dalam keterangan Nirmala berkenaan tarikh, masa dan bulan, mahkamah mendapati ianya tidak menjejaskan keterangan Nirmala mengenai kecederaan yang sememangnya telah dialaminya dan terbukti dengan jelasnya melalui keterangan-keterangan yang dikemukakan untuk pertimbangan mahkamah. Keterangan-keterangan Nirmala dalam hal kecederaan yang dialami disokong oleh berbagai keterangan yang lain. Sehubungan dengan itu mahkamah berpuas hati bahawa Nirmala mengalami kecederaan-kecederaan yang ternyata dalam perenggan 7(i), (iii), (iv) dan (v) yang semuanya didapati dilakukan oleh Pek Ha.

[114] Kesimpulannya, untuk menilai kecenderungan kebolehpercayaan seseorang saksi, keterangan saksi tersebut perlu dinilai secara keseluruhannya. Namun demikian, untuk menerima keterangan mana-mana saksi sebagai boleh dipercayai, keterangan beliau perlu dinilai secara khusus. Apabila seseorang saksi pernah berbohong dalam mana-mana keterangannya tidak semestinya ia berbohong kesemuanya, keterangannya perlu diawasi. Bila seseorang saksi itu dinilai sebagai mempunyai 'demeanour' yang menyakinkan, tidak semestinya keterangannya benar kesemuanya. Seperti juga dalam keadaan yang lain, keterangan saksi-saksi harus diujikaji secara kritis termasuk membandingkannya dengan dokumen yang berkaitan dan yang kontemporari.

[115] Dalam kes ini keterangan Nirmala dan juga keterangan saksi-saksi lain telah melalui proses yang sama sebelum mana-mana bahagiannya diterima sebagai benar dan layak diguna pakai dalam penentuan 'probability' sesuatu atau mana-mana keadaan, mahupun apa-apa jua isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah ini.

Adakah dan apakah kecederaan-kecederaan fizikal dan/atau mental (sekiranya ada) yang dialami oleh Nirmala sepertimana yang didakwa dalam butir-butir kecederaan dalam perenggan 8 pernyata tuntutan terpinda?

[116] Jelas sekali sepertimana terbukti dalam kes ini Nirmala telah mengalami kecederaan fizikal. Adalah jelas daripada keterangan bahawa daripada kecederaan teruk serta kesengsaraan yang ditanggung oleh Nirmala secara semulajadi dan munasabahnya akan menyebabkan tekanan emosi pada Nirmala semasa kejadian dan dalam tempoh yang munasabah selepas itu.

Sama ada kecederaan-kecederaan yang didakwa dalam butir-butir kecederaan (perenggan 8 pernyataan tuntutan terpinda) itu diakibatkan oleh Pek Ha dengan cara dan masa yang dinyatakan dalam perenggan 7 pernyataan tuntutan tersebut?

[117] Walaupun daripada keterangan yang dikemukakan mahkamah tidak pasti tentang tarikh dan waktu yang tepat setiap kecederaan-kecederaan tersebut diakibatkan oleh Pek Ha ke atas Nirmala sepertimana dinyatakan dalam perenggan 7(i), (iii), (iv) dan (v) pernyataan tuntutan terpinda, berdasarkan imbangan kebarangkalian mahkamah dapat mengatakan dengan yakin sepertimana yang telah didapati sebelum ini bahawa kejadian-kejadian dalam perenggan-perenggan tersebut telah menimpa Nirmala dengan cara dan dalam anggaran tempoh dan masa yang dinyatakan.

Adakah suami Pek Ha mempunyai kewajipan 'duty of care' (kewajipan berjaga-jaga) dan memberi perlindungan terhadap plaintif sebagai majikan plaintif dan apakah 'standard of care' yang terpakai?

Sama ada defendan kedua telah memungkiri kewajipannya terhadap plaintif?

Sama ada defendan kedua sebagai majikan plaintif mempunyai kewajipan common law untuk memastikan plaintif bekerja dalam keadaan yang selamat dan bersesuaian?

[118] Mengenai kewajipan majikan untuk berjaga-jaga dalam memberi jagaan dan perlindungan kepada *pembantu rumahnya*, serta implikasi dari kemungkiran tanggungjawab tersebut, jika ada, tidak diperuntukkan secara khusus dalam mana-mana statut di negara ini. Sehubungan dengan itu selain daripada apa-apa yang diperuntukan secara khususnya, undang-undang yang

terpakai dalam perkara ini di Malaysia adalah undang-undang common law di England.

[119] Di bawah undang-undang Inggeris ujian kewajipan am untuk berjaga-jaga adalah seperti mana yang telah diumumkan dalam *Caparo Industries plc v Dickman and others* [1990] 2 AC 605; [1990] 1 All ER 568 yang terpakai dalam semua tuntutan kecuaian. Kes ini mengemukakan tiga ujian yang perlu dijawab sebelum mahkamah dapat menentukan samada wujud 'duty of care'. Merujuk kepada tiga ujian yang dirumuskan dalam kes tersebut dan yang telah digunapakai untuk menjawab persoalan-persoalan dalam kes ini adalah seperti berikut:

(a) sama ada kecederaan yang dialami oleh Nirmala secara munasabahnya dapat diramalkan;

(b) sama ada wujud kedekatan pertalian antara Nirmala dan suami Pek Ha; dan

(c) sama ada adil dan berpatutan untuk suami Pek Ha dipikulkan dengan kewajipan berjaga-jaga terhadap Nirmala.

[120] Ketiga-tiga peringkat ujian yang dirumuskan dalam kes *Caparo* telah digunapakai oleh Mahkamah Persekutuan Malaysia dalam *Majlis Perbandaran Ampang Jaya v Steven Phoa Cheng Loon & Ors* [2006] 2 MLJ 389; [2006] 2 CLJ 1 yang dalam keputusannya ada menyebut seperti berikut:

> Under English law, the general duty of care test enunciated in *Caparo Industries plc v Dickman and others* [1990] 2 AC 605 is applicable to all negligence claims, including claims for pure economic loss. Pursuant to this test, three questions have to be addressed, namely, whether the damage suffered by the plaintiff is reasonably foreseeable; whether there is a relationship of proximity between the plaintiff and the defendant; and whether it is fair and reasonable that the defendant should owe the plaintiff a duty of care.

Sama ada suami Pek Ha mempunyai 'duty of care' dan memberi perlindungan terhadap Nirmala? Apakah 'standard of care' yang diharapkan daripada beliau?

Sama ada kecederaan yang dialami oleh Nirmala secara munasabahnya dapat diramalkan?

[121] Dalam keterangan pembelaan defendan-defendan dalam kejadian pada bulan Februari 2004 mengikut suami Pek Ha apabila beliau mendapati Nirmala telah lari keluar dari apartmen beliau telah nampak darah di lantai dan di dinding di luar apartmen tersebut dan dalam kejadian itu beliau lihat kepala Nirmala bengkak.

[122] Dalam keterangan yang lain menunjukkan suami Pek Ha ada nampak kesan-kesan calar di muka Nirmala. Mengenai parut di tangan Nirmala, keterangan suami Pek Ha (keterangan awal suami Pek Ha di ms 11 dirujuk) dalam keterangan pembelaannya menunjukkan beliau tahu dan pernah bertanya kepada Nirmala mengenai parut luka tersebut.

[123] Suami Pek Ha juga memaklumkan kepada mahkamah beliau tahu dan nampak Nirmala masih bekerja walaupun dalam keadaan kesakitan. Keterangannya juga menunjukkan kepada mahkamah beliau ada berbincang dengan Pek Ha mengenai kecederaan-kecederaan yang dialami oleh Nirmala. Beliau juga memaklumkan beliau tahu dan nampak Nirmala masih bekerja walaupun dalam keadaan kesakitan.

[124] Menurut suami Pek Ha Nirmala memakai t-shirt dan seluar pendek jenis bermuda sehingga lutut semasa bekerja. Dengan itu beliau nampak kecederaan-kecederaan luar yang dialami oleh Nirmala. Beliau pernah nampak kesan bakar (*burn marks*) di bahagian kaki (*feet*) Nirmala. Menurutnya juga, beliau dan isterinya nampak kecederaan dan bengkak di kedua-dua belah kaki (*feet*) Nirmala yang menyebabkan Nirmala menghadapi kesukaran untuk bergerak.

[125] Menurut keterangan suami Pek Ha, kecederaan di kaki Nirmala terkena air mandian yang terlalu panas. (Nota: mahkamah ambil perhatian bahawa dalam pembelaannya, defendan-defendan telah memberitahu bahawa Nirmala sendiri telah mencurah air panas di kaki/pehanya).

[126] Selain dari itu terdapat keterangan mencukupi untuk menunjukkan sejak Nirmala mula bekerja dari 17 Mei 2003–17 Mei 2004 suami Pek Ha berada di apartmen defendan pada kebanyakan masa. Pejabat beliau terletak di apartmen tersebut.

[127] Suami Pek Ha hanya keluar untuk menjalankan urusan keluarga, urusan kerjanya dan urusan-urusan 'errand' seperti urusan di bank dan sebagainya. Selain dari itu beliau berada di apartmennya bersama keluarga. Keterangan juga menunjukkan kepada mahkamah bahawa Pek Ha selalu menceritakan kepada suami beliau mengenai masalah beliau yang begitu banyak dengan Nirmala.

[128] Sehubungan dengan keterangan-keterangan tersebut mahkamah mendapati adalah sesuatu yang mustahil untuk suami Pek Ha tidak tahu dan tidak dengar apa yang berlaku antara Pek Ha dan Nirmala dalam apartmen tersebut. Lebih-lebih lagi memandangkan tempat tinggal mereka hanyalah sebuah apartmen empat bilik sehinggakan pada suatu ketika bau badan Nirmala dikatakan telah memenuhi seluruh apartmen tersebut.

[129] Berdasarkan keterangan dan imbangan kebarangkalian mahkamah mendapati dalam suasana keadaan pada ketika kejadian, suami Pek Ha akan dapat secara munasabahnya meramalkan dan menjangka apa yang akan menyusul dari kejadian-kejadian yang lalu, dan apa akan berlaku ke atas Nirmala jika beliau tidak mengambil tindakan tegas untuk memastikan keselamatan Nirmala.

[130] Berlatarkan senario di apartmen tersebut pada tempoh tersebut mahkamah mendapati suami Pek Ha selaku majikan mempunyai 'duty of care' secara berterusan untuk memberi perlindungan yang efektif dan memastikan keselamatan Nirmala terjamin daripada risiko-risiko yang tidak perlu (*unnecessary risks*) pada sepanjang tempoh dan selagi Nirmala bekerja di tempat tinggal defendan-defendan sekeluarga.

[131] Sebaik saja 'duty of care' terbukti dalam kes ini mahkamah perlu menyatakan apakah 'standard of care' yang dipikul dan diharapkan daripada suami Pek Ha. Dalam *Corporation of Glasgow v Muir and Others* [1943] 2 All ER 44 House of Lords memutuskan bahawa 'standard of care' adalah 'reasonable care in the circumstances' yang bergantung kepada hal keadaan dan suasana mengikut fakta kes itu secara tersendiri.

[132] Dalam kes ini suami Pek Ha mengenali isterinya dan juga Nirmala yang telah tinggal bersama keluarganya sekian lama. Secara munasabahnya suami Pek Ha telah tahu hal keadaan dalam apartmen tersebut.

[133] Sebagai seorang majikan, 'standard of care' yang beliau pikul dalam suasana tersebut adalah 'standard of care' seorang majikan yang munasabah, yang dalam hal keadaan yang sama dapat secara munasabahnya meramalkan dan menjangka apakah yang akan berlaku, dan sehubungan dengan keadaan itu bertindak untuk mengatasinya secara yang akan menjamin keselamatan dan memberi perlindungan kepada semua penguni di apartmen tersebut, termasuklah Nirmala.

Sama ada wujud kedekatan pertalian antara Nirmala dan suami Pek Ha?

[134] Daripada keterangan adalah jelas bahawa permohonan untuk mendapatkan Nirmala daripada Indonesia untuk bekerja dengan keluarga defendan telah dikemukakan atas nama suami Pek Ha sebagai majikan Nirmala. Suami Pek Ha juga adalah orang yang menyambut, dan menerima Nirmala apabila beliau tiba untuk bekerja dengan defendan-defendan. Suami Pek Ha adalah orang yang bertanggungjawab atas segala apa persoalan yang timbul untuk dijawab mengenai Nirmala sepanjang waktu Nirmala bekerja di Malaysia, selepas Nirmala diserahkan oleh agen berkenaan kepada beliau.

[135] Sehubungan dengan semua keterangan yang ada adalah terbukti kepada mahkamah bahawa di antara Nirmala dan suami Pek Ha, wujud kedekatan pertalian yang mengikat beliau sebagai majikan yang bertanggungjawab, dan berkewajipan terhadap kebajikan dan keselamatan Nirmala.

Sama ada adil dan berpatutan untuk suami Pek Ha dipikulkan dengan kewajipan berjaga-jaga terhadap Nirmala

[136] Adalah tidak selamat jika Nirmala dibiar dan diabaikan tanpa sebarang perlindungan. Sebagai majikan suami Pek Ha adalah orang yang terdekat dan terikat dengan tanggungjawab dari segi undang-undang yang berbangkit daripada kontrak pekerjaan di antara defendan-defendan dan Nirmala.

[137] Sebagai majikan, defendan-defendan juga mempunyai kewajipan dari segi common law untuk mengamalkan pemeliharaan dan kemahiran yang munasabah (*reasonable care and skill*) seperti yang telah dikatakan tadi dalam penyediaan suasana pekerjaan bersesuaian yang menjaminkan kesihatan, keselamatan, dan kebajikan Nirmala selaku seorang pembantu rumah.

[138] Tiada jawapan kecuali didapati adil bagi suami Pek Ha dipikulkan dengan kewajipan untuk memberi penjagaan dan perlindungan yang berpatutan kepada Nirmala.

[139] Atas kecederaan-kecederaan dimana jelas nampak bentuk seterika dan siraman air panas (yang dikatakan terlindung oleh pakaian) Nirmala tidak dibawa untuk berjumpa doktor dan tidak diberi apa-apa ubat. Mengikut suami Pek Ha (yang dinafikan oleh Nirmala) beliau membeli antibiotik dan Panadol untuk Nirmala serta krim untuk disapu. Tidak dapat dipertikaikan bahawa Nirmala langsung tidak dibawa untuk berjumpa doktor. Melihat kepada kecederaan teruk yang dialami oleh Nirmala secara munasabahnya akan menjejaskan kesihatan Nirmala.

[140] Dalam kes ini suami Pek Ha selaku majikan Nirmala telah gagal dalam tanggungjawabnya (*duty of care*) apabila beliau gagal untuk melaksanakan 'the standard of care' yang diharapkan daripada beliau (*in the circumstances*) sebagai seorang majikan yang munasabah, dan dalam memastikan kebajikan, keselamatan perlindungan serta perhatian yang wajar terhadap Nirmala.

Sekiranya terwujud kecederaan-kecederaan kepada plaintif, sama ada ia disebabkan oleh plaintif sendiri ('self-inflicted) atau diakibatkan selain daripada defendan pertama?

[141] Di antara keterangan yang dikemukakan di mahkamah terdapat keterangan daripada Dr Hjh Rabaiah Mohd Salleh (SD3) iaitu seorang Pakar Perunding Psikiatri Forensik yang diiktiraf dan keterangannya telah diterima di mahkamah-mahkamah di Malaysia.

[142] Dalam pemeriksaan yang dijalankan ke atas Nirmala didapati Nirmala mengalami (kerencatan akal minima) yang telah ada sejak beliau dilahirkan. Di antara keterangan yang beliau kemukakan di mahkamah (melalui persoalan oleh peguamcara defendan) adalah seperti berikut:

S: Can you tell the Court if a person who looks seemingly normal, would self injure themselves? Generally?

J: Yes Yang Arif. A seemingly normal person can self injure themselves.

S: Does a person with mild mental retardation (MMR) pose a higher risk of self infliction?

J: As opposed to the general population, the risk is higher YA.

Melalui soalan oleh peguamcara Plaintif Dr Rabaiah menjawab seperti berikut:

J: I agree with you. Not all people suffering from mild mental retardation self inflict injuries.

J: Even if you are sick to be suffering, even if you are diagnosed to be suffering from MMR, you may not self inflict.

J: They can't perform well in school.

J: They can't handle the stress as well as others, yes and they may not be able to cope with the usual things which an average normal person will be able to cope with.

J: For people who self-inflict for attention most of the time it will be, yes, on the open spaces where people can see-for those who asks for attention, yes.

J: ... But there are also others who seek attention but not doing it on the open areas. The attention seeking is not direct. It's more of indirect.

J: I shall make it easier. Mostly yes. The answer will be mostly, yes they will self-inflict on the exposed areas.

S: Ok. So Dr, after you analysed everything you have come to conclusion that the wound inflicted by herself? Burn her breast. Burn at the back. Hot water?

J: Your question is does she self-inflict?

S: Yes.

J: I am not the expert YA. Because I did not look at all those other ... the criminal case. I'm not involved in that and I did not pay as much attention to that case.

S: And Dr Refering to page no: 3 of your report. Your report, last paragraph Dr. 'Kadang-kadang beliau juga mengalami perasaan panik apabila melihat seterika atau sedang menggosok baju ataupun berdekatan air panas'.

J: *Yes.*

S: *Dr, if a person self-inflict, all right ... assuming that she's the one who got the hot iron and then inflicted, burn her own breast, she wouldn't have this phobia, isn't it Dr? Correct me if I am wrong. Kalau saya sendiri, I won't have the phobia when I see the seterika, ataupun, kalau, if I splash on hot water. I won't have the phobia, am I right Dr?*

J: *Yes, you are probably right there ...*

[143] Selain daripada keterangan Dr Rabaiah mahkamah telah mengkaji seluruh keterangan yang dikemukakan dalam kes ini dan atas rumusan imbangan kebarangkalian mahkamah mendapati kecederaan-kecederaan pada Nirmala yang berbangkit daripada kejadian-kejadian dalam 7(i), (iii), (iv) dan (v) telah disebabkan oleh perlakuan Pek Ha dan bukan di 'self-inflict' oleh Nirmala. Bagi 7(ii) juga mahkamah mendapati bahawa Nirmala tidak 'self-inflict' kecederaan tersebut ke atas dirinya.

Sama ada plaintif bukannya seorang yang berfikiran waras dan bukan bebas daripada apa-apa 'neorology deficits'?

[144] Mengikut penyata pembelaan terpinda defendan-defendan di perenggan 9 bahawa mengikut terma nyata pekerjaan (*express term of employment*), ialah bahawa plaintif mestilah seorang yang berfikiran waras (*sound mind*) dan 'free of any neorology deficits'.

[145] Mengikut penyata pembelaan terpinda defendan-defendan plaintif telah melanggar terma nyata pekerjaan apabila sebelum bermulanya pekerjaan, plaintif menghidapi penyakit 'epilepsy, mild mental retardation dan personality disorder'.

[146] Dalam perkara ini juga mahkamah telah merujuk keterangan Dr Rabaiah. Melalui soalan oleh peguamcara defendan dalam keterangan awalnya Dr Rabaiah telah menjawab dan memberi keterangan seperti berikut:

J: ... So in this case the clinical psychologist (I did not do the test), the clinical psychologist who did the test using instrument called Weshsler Adult Intelligence Scale revised edition. Found that her IQ was in the mild range.

[147] Dalam keterangan soal semula oleh peguamcara defendan Dr Rabaiah menjawab seperti berikut:

S: You were asked about this scale, which is the Weschler Adult Intelligence scale, and you were asked whether it is 100% correct, whether this is today, the accepted test for determining as IQ or mild mental retardation and so on. Is this an accepted test today?

J: Yes, Yang Arif. It is an accepted test today.

S: Is there any other ...

J: It's a universally accepted test.

S: Universally accepted test. So, is there any other test which is like 100% correct or anything like that?

J: No, there is no 100% test because it's also depends on the culture, the language used and Weschler Adult Intelligence scale is in English, written in English ...

[148] Merujuk kepada keterangan di atas, nampaknya sejak lahir Nirmala telah mengalami kerencatan akal minima. Daripada ujian IQ yang dijalankan didapati prestasi IQ Nirmala berada di tahap 'mild range'. Merujuk kepada keterangan, Dr Hajah Rabaiah beliau mendapati: 'there was no mental difficulty in the Plaintiff and no evidence of any psychological problems. She has mild mental retardation (kerencatan akal minima) yang telah ada sejak dilahir. There is no evidence of any anxiety and depressive problems'.

[149] Selain daripada itu tiada bukti dikemukakan oleh defendan-defendan bahawa Nirmala adalah seorang yang tidak waras dan tidak bebas daripada 'neorology deficits'. Mengikut s 103 Akta Keterangan 1950, beban membukti perkara ini terletak di atas defendan-defendan yang bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan untuk berjaya dalam pembelaannya. Defendan-defendan didapati gagal untuk melangsai beban yang ditetapkan ke atasnya oleh undang-undang.

Sama ada plaintif menghadapi apa-apa penyakit mental seperti mana yang dinyatakan dalam pernyataan pembelaan secara sendirinya dan yang bukannya disebabkan oleh defendan-defendan?

[150] Seperti mana yang dinyatakan di atas tadi mengikut keputusan Dr Rabaiah selain daripada kerencatan akal minima Nirmala tidak mengalami

apa-apa permasalahan mental. Kerencatan akal atas kadar minima telah ada sejak kelahiran Nirmala bukan disebabkan oleh defendan-defendan.

Sekiranya defendan-defendan dibuktikan berliabiliti, adakah dan apakah gant irugi khas dan am yang dialami oleh plaintif?

[151] Dalam kes ini defendan-defendan didapati berliabiliti berkaitan kecederaan-kecederaan dalam perenggan 7(i), (iii), (iv) dan (v). Namun demikian mahkamah mendapati Nirmala juga berperanan menyumbang ke arah kecederaan yang dialami. Perkara ini akan diambil kira dalam penentuan jumlah award kepada Nirmala.

GANTI RUGI AM

[152] Tidak dapat dipertikaikan bahawa apabila Nirmala mula datang berkerja dengan defendan-defendan beliau tidak membawa bersamanya kecederaan-kecederaan di badannya seperti mana yang dapat dilihat setelah tinggal bersama defendan-defendan. Sekiranya Nirmala berpenyakit mental secara 'inherent' seperti yang dikatakan oleh defendan-defendan dari jenis yang cenderung mencederakan diri sendiri dengan begitu parah sekali, adalah tidak masuk akal sama sekali, memandangkan beliau berkeadaan elok apabila mula bekerja dengan keluarga Pek Ha.

[153] Sekiranya Nirmala ingin memfitnah atau berpotensi untuk menganiayai defendan-defendan demi kepentingan dirinya, (lebih-lebih lagi setelah beliau berada dalam jagaan selamat pihak polis dan konsulat Indonesia, Nirmala juga boleh megatakan kecederaan-kecederaan itu dilakukan oleh suami Pek Ha. Sejak tahun 2004 hingga ke hari ini beliau masih mengatakan Pek Ha baik dengannya bila beliau mula bekerja dengan mereka hinggalah bulan Januari 2004. Beliau masih mengatakan suami Pek Ha tidak mencederakannya.

[154] Berdasarkan keterangan didapati Nirmala mengalami kecederaan-kecederaan melecur akibat curahan air panas dan terbakar akibat ditekap seterika panas. Beliau alami kecederaan di dahi, hidung dan juga di bibirnya akibat dipukul dengan cawan besi, serta kesan-kesan calar oleh kuku di mukanya akibat cakaran kuku. Daripada keterangan dan atas imbangan kebarangkalian didapati semuanya adalah akibat perlakuan Pek Ha ke atas Nirmala.

[155] Setelah menimbang keterangan-keterangan yang telah dikemukakan mahkamah memutuskan untuk menerima laporan mengenai luka-luka yang dialami oleh Nirmala semasa pemerikasaan doktor dijalankan oleh Dr Afnizar Akbar pada 18 Mei 2004 jam 12.10 pagi (P6) iaitu tidak lama selepas

berlakunya kejadian pada lebih kurang jam 3.30 petang pada 17 Mei 2004, dan mengenai luka dan parut-parut dari laporan Dr Hamidah bt Abdol Jalil ('P7' — salinan bersih) yang memeriksa Nirmala pada 22 Mei 2004 jam 10.30 pagi.

[156] Mereka adalah doktor-doktor kerajaan pada ketika itu dan merupakan pihak ketiga yang neutral dan tidak mempunyai kepentingan peribadi dalam kes ini. Laporan-laporan yang disediakan oleh mereka juga telah diguna oleh saksi defendan khususnya Dr Nadesan.

[157] Mengikut laporan Dr Afnizar ('P6') semasa pemeriksaan beliau mendapati kecederaan-kecederaan yang dialami oleh Nirmala seperti berikut:

(1) Upper lip swelling with laceration of inner lip.

(2) Nasal bridge edema.

(3) Right lateral sclera haematoma.

(4) Bilateral dorsum hands edema, reduced range of movements due to pain. Neurovascular intact.

(5) Extensive swelling and hematoma of face and head.

(6) Right frontal and forehead hematoma 8 cm x 8 cm.

(7) Left occipital scalp-superficial laceration — 1–2 cm.

(8) Bilateral heamatoma to-superior orbital and zygomatic bones, blue colour.

(9) Linear scratches to bilateral sides of neck (more than 10 lines).

(10) Chest: superficial burns to both breasts — 15 cm x 8 cm each. With x 1 deep dermal burn 5 x 4 cm.

(11) Back: superficial burns to both left and right back size -30 cm x 8 cm (right) and (25 cm x 8 cm) left side x 1 dermal (deep) burn at right upper back — 5x4 cm.

(12) Right anterior thigh : superficial wound size 30 cm x 15 cm.

A: Merujuk kepada laporan Dr Hamidah (P7)

[158] Merujuk kepada kecederaan 1 dalam P6 tidak menyatakan saiz 'laceration' di bahagian dalam bibir, laporan dalam P7 menyatakan saiz nya sebagai 15 X 2.5 cm. Terdapat keraguan kepada saiz 'laceration'. Faedah keraguan adalah diberi kepada defendan-defendan.

[159] Merujuk kepada kecederaan 2 dalam P6 yang menyatakan edema pada *nasal bridge*, berdasarkan pemeriksaan sinar-X yang dijalankan dalam

pemeriksaan Dr Hamidah mendapati terdapat 'closed fracture of the bridge of the nose. The overlying skin appeared normal'. Ini adalah selaras dengan keterangan lain yang diperolehi semasa perbicaraan dijalankan.

[160] Merujuk kepada kecederaan 10 dan 11 (di dada dan belakang) dalam P6, Dr Hamidah dalam laporannya di P7 mencatat bahawa kecederaan di bahagian dada dan belakang adalah dalam proses sedang sembuh (*healing*), 'with early scar formation', dan ada bahagian yang masih berair (*moist*).

[161] Mengenai kecederaan 4 di P6 iaitu kecederaan di tangan iaitu 'bilateral dorsum hands edema' Dr Hamidah melaporkan di P7 bahawa beliau periksa Nirmala pada 22 Mei 2004 terdapat parut-parut yang telah sembuh di bahagian lengan. Saya tidak mengambil kira parut-parut di bahagian jari-jari yang tidak diceritakan oleh Nirmala dan tiada keterangan bilakah kecederaan ini dialami oleh Nirmala.

[162] P7 menyebut mengenai kecederaan 'healing periorbital haematoma (black eye) of the left eye (brown discoloration of the skin)'. Mahkamah mendapati perkara ini tidak disebut dengan nyata namun demikian mahkamah menerima kesan ini seperti dilaporkan di P7 memandangkan terdapat keterangan Dr Nadesan yang menyokong wujudnya kesan ini pada Nirmala selepas kejadian ekoran daripada kecederaan yang dialami di bahagian mukanya (diperolehi melalui gambar-gambar Nirmala yang telah dikemukakan sebagai ekshibit di mahkamah).

Tuntutan ganti rugi am yang dibenarkan adalah mengikut tajuk-tajuk seperti berikut

[163] Kecederaan, kesakitan dan penderitaan (termasuk malu dan kehilangan kemudahan):

(a) Dada dan belakang

Sebagai manusia sesiapa sahaja dapat membayangkan kesakitan yang ditanggung apabila seterika panas diletak pada kedua-dua belah di bahagian dada (kedua-dua payudara) dan bahagian belakang. Mengikut laporan Dr Afnizar bahagian puting payudara Nirmala sebelah kanan mengalami 'x 1 deep dermal burn'. Bahagian belakang Nirmala juga disiram dengan air panas yang mencederakannya.

Terdapat keterangan akibat perbuatan tersebut Nirmala disuruh basuh di bahagian seterika di mana terlekat kulit Nirmala akibat tekapan seterika panas. Nirmala menanggung kesakitan setiap kali memakai baju dan colinya. Beliau sakit apabila mandi dan luka terkena air. Beliau tidak mendapat rawatan selain dari memakan panadol sahaja.

Daripada keterangan, mahkamah mendapati daripada bulan Januari 2004 sehinggalah Nirmala diperiksa oleh Dr Hamidah (laporannya juga digunapakai oleh saksi defendan iaitu Dr Nadesan untuk mencapai keputusannya) pada 22 Mei 2004 masih terdapat luka yang sedang sembuh serta membentuk parut dan juga yang masih basah.

Kesakitan Nirmala didapati berpanjangan. Luka-lukanya menyebabkan Nirmala mengelak diri dari terkena air kerana sakit apabila tersentuh air menjadikan keadaan Nirmala sangat daif (*despicable*) dan mengeluarkan bau yang tidak menyenangkan.

Mengikut keterangan Pek Ha, bau Nirmala menyebabkan seluruh apartmen berbau busuk. Daripada keterangan menjunjukkan kepada mahkamah bahawa keadaan ini telah memburukkan suasana di apartmen tersebut dan menjadikan Pek Ha hilang kesabarannya serta cepat melenting 'at the slightest mistake' oleh Nirmala. Sila juga rujuk P9 iaitu laporan yang disediakan oleh Dr Salina.

Apabila Nirmala diselamatkan bahagian sulitnya (payudaranya) terpaksa dipaparkan di sana sini termasuk kepada juru gambar, mahkamah dan sebagainya. Bahagian ini ternyata (melalui gambar dan keterangan) telah ditekap dengan seterika panas. Akibat daripada kecederaan tersebut mahkamah mendapati Nirmala bukan saja menanggung kesakitan tetapi juga menanggung malu. Semua ini menjurus kepada penderitaan dan kesengsaraan yang ditanggung oleh Nirmala.

Pada pandangan mahkamah untuk kecederaan-kecederaan ini ganti rugi sebanyak RM105,000 (RM35,000 bagi setiap payudara) dan (RM35,000 bagi kecederaan di bahagian belakang Nirmala) adalah jumlah yang wajar, saksama dan tidak keterlaluan untuk keseluruhan kecederaan tersebut dan sedikit parut yang masih ada di bahagian tersebut.

(b) Tangan/lengan

Untuk kecederaan di lengan akibat terkena seterika panas semasa Nirmala mengelak daripada dicederakan oleh Pek Ha, seperti mana yang dimaklumkan oleh defendan-defendan mengenai parut tersebut dan dapat dilihat melalui gambar, mahkamah menetapkan award sebanyak RM4,000 yang pada pandangan mahkamah adalah wajar dan munasabah.

(c) Kepala dan muka

Kecederaan di bahagian kepala dan muka seperti yang tercatat di bahagian A di atas di No: 1, 3, 5, 6, 7, 8 dan kecederaan 'healing periorbital haematoma (black eye) of the left eye (brown discoloration of the skin) yang disebut di perenggan akhir bahagian B. Untuk kecederaan-kecederaan tersebut, kesakitan dan kesengsaraan mahkamah

menetapkan award sebanyak RM10,000 tidak termasuk kecederaan di hidung. Untuk kecederaan di hidung mahkamah menetapkan sebanyak RM8,000 sebagai ganti rugi yang ditimbangkan sebagai wajar dan berpatutan.

Tekanan emosi (termasuk masalah menyusu anak secara kekal)

[164] Adalah jelas daripada keterangan bahawa Nirmala telah mengalami kecederaan yang amat teruk. Adalah munasabah kecederaan seperti itu dan kesengsaraan seberat yang ditanggung oleh Nirmala, secara semulajadi dan munasabahnya, akan menyebabkan tekanan emosi pada Nirmala bukan saja pada masa kejadian tetapi juga sepanjang tempoh yang munasabah selepas itu.

[165] Adalah jelas daripada keterangan Nirmala, gambar-gambar dan laporan doktor bahawa puting payudara Nirmala (khususnya di sebelah kanan Nirmala) telah mengalami kecederaan yang teruk. Tidak hairanlah apabila Nirmala memaklumkan beliau menghadapi kesulitan apabila menyusu anak. Mengikut keterangan keadaan tersebut juga telah menyebabkan tekanan emosi kepadanya.

[166] Berdasarkan fakta khusus kes ini mahkamah berpandangan bahawa jumlah yang wajar dan saksama adalah RM40,000 di bawah tajuk ini.

GANTI RUGI KHAS

Perbelanjaan perubatan dan laporan perubatan

[167] Untuk tuntutan di bawah tajuk ini undang-undang menetapkan bahawa pihak yang mengeluarkan perbelanjaan perlu mengemukakan resit dan ini gagal dilakukan oleh pihak yang menuntutnya. Maka Mahkamah tidak mempunyai asas untuk membuat apa-apa award ganti rugi khas sebagai ganti bayaran kepada pihak Kedutaan Indonesia yang mengatakan bahawa mereka telah mengeluarkan bayaran untuk maksud perbelanjaan perubatan Nirmala.

[168] Wang yang dikeluarkan untuk perbelanjaan Nirmala bawah tajuk ganti rugi khas perlu dibuktikan secara khusus dan ini gagal dilakukan oleh pihak Kedutaan Indonesia. Daripada keterangan mahkamah menadapati Nirmala telah mendapat rawatan daripada hospital kerajaan. Tiada keterangan dikemukakan untuk menunjukkan Nirmala mendapatkan rawatan daripada hospital swasta mahupun kerajaan yang mengenakan bayaran atas rawatan yang diberi.

Perubatan khas

[169] Tidak ada apa-apa keterangan yang dikemukakan untuk menunjukkan bahawa Nirmala atau pihak lain telah mengeluarkan perbelanjaan untuk mendapatkan perubatan khas untuk Nirmala.

Perbelanjaan asas

[170] Pihak Kedutaan Indonesia menuntut sebanyak RM8 bagi setiap hari Nirmala menginap di Kedutaan tersebut selama Nirmala diperlukan untuk menghadiri mahkamah berkaitan kejadian ini. Mengikut keterangan yang dikemukakan tempohnya adalah daripada 31 Mei 2004–15 Januari 2008 (1327 hari kesemuanya). Ini adalah termasuk makan dan minum untuk Nirmala. Terdapat keterangan daripada pihak kakitangan Kedutaan Indonesia sendiri mengenai kos yang dibelanjakan bagi maksud ini.

[171] Pada pandangan mahkamah tuntutan munasabah sebagai perbelanjaan yang dikeluarkan untuk tempat tinggal, makan dan minum merupakan tuntutan asas yang berjustifikasi dan perlu diberi pengiktirafan kehakiman. Sehubungan dengan itu mahkamah membenarkan award di bawah tajuk ini mengikut perkiraan RM8 X 1327 menjadikan jumlahnya sebanyak RM10,616.

Kehilangan kebolehan mencari pendapatan

[172] Daripada keterangan, mahkamah mendapati bahawa tiada apa-apa keterangan yang menunjukkan bahawa Nirmala telah kehilangan kebolehan untuk mencari pendapatan. Keterangan menunjukkan Nirmala telah bekerja dengan pendapatan yang lebih baik selepas kejadian daripada sebelumnya.

Kehilangan pendapatan

[173] Mengikut kontrak pekerjaan Nirmala, tempoh perjanjian adalah selama setahun ke setahun. Tempohnya adalah daripada 15 September 2003 hingga ke 14 September 2004. Jumlah gaji Nirmala adalah RM430 sebulan. Jika kedua-dua pihak bersetuju untuk memanjangkan tempoh tersebut, maka tempohnya boleh dipanjangkan setahun lagi apabila tamat tempoh tahun yang pertama. Bagi tahun pertama Nirmala hanya bekerja selama lapan bulan dan terpaksa lari untuk menyelamatkan dirinya. Daripada keterangan mahkamah mendapati Nirmala telah kehilangan tempoh bekerja selama empat bulan (bagi tahun pertama).

Perkiraannya adalah RM430 X 4 = RM1,720.

[174] Di perenggan 5 penyata pembelaan terpinda defendan-defendan memplid bahawa plaintif dengan jelasnya telah bersetuju untuk bekerja untuk defendan-defendan bagi tempoh dua tahun. Untuk tahun kedua plaintif telah kehilangan pendapatan untuk tempoh 12 bulan.

Perkiraannya adalah RM430 X 12 = RM5,160.

Jumlah: RM6,880.

Perbelanjaan pengangkutan

[175] Asas tuntutan bagi ganti rugi khas sepertimana yang disebut di atas adalah pembuktian yang jelas melalui dokumen seperti resit sebagai bukti bahawa perbelanjaan yang dituntut telah dibelanjakan terlebih dahulu. Tanpa bukti sedemikian, mahkamah tidak mempunyai asas untuk membenarkan award di bawah tuntutan ini.

TUNTUTAN BALAS DEFENDAN-DEFENDAN

Sama ada plaintif telah melanggar kontrak pekerjaannya dengan defendan kedua dengan salah membatalkannya dengan cara plaintif sendiri berhenti kerja dan melarikan diri dari rumah defendan-defendan?

[176] Berdasarkan keterangan, fakta dan hal keadaan kes adalah wajar untuk Nirmala melarikan diri daripada apartmen defendan. Sebagai mangsa dera, dengan melarikan diri Nirmala terselamat daripada kecederaan yang teruk dan berterusan. Tindakan Nirmala didapati tidak melanggar dan tidak membatalkan kontrak pekerjaan Nirmala dengan majikannya.

Sama ada plaintif melanggar kontrak pekerjaannya dengan cara menyembunyikan dan/atau 'misrepresented' fakta-fakta dan butir-butir material yang diberikan kepada defendan-defendan/agensi pekerjaan, khasnya dalam borang KBR/2535/T?

[177] Nirmala mengaku bahawa walaupun beliau dilahirkan pada tahun 1984 tetapi tahun tarikh kelahiran yang tercatat di pasportnya telah dimaklum sebagai 1976. Mengikut Nirmala ini adalah kerana seseorang di bawah usia 20 tahun tidak boleh bekerja sebagai pembantu rumah di Malaysia. Butir-butir maklumat dirinya yang tidak betul itu pula telah dikekalkan di passport barunya mengikut yang lama. Didapati dokumen-dokumen lain berkaitan Nirmala yang memerlukan butir kelahirannya juga telah mencatatkan tahun kelahirannya sebagai 1976 dan ini merupakan maklumat yang tidak benar.

[178] Ini merupakan kesalahan di bawah s 56(1)(k) Akta Imigresen 1959/63

(Pindaan 2002)yang berbunyi seperti berikut:

> Any person who obtains or attempts to obtain for himself or for any other person by making a false statement any Entry Permit, Pass, Internal Travel Document or Certificate shall be guilty of an offence and shall on conviction —
>
> (aa) except for an offence under paragraph (d), be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years.

[179] Fakta dalam kes ini menunjukkan Nirmala telah memohon untuk mendapatkan pas lawatannya dan suami Pek Ha adalah penjaminnya. Agensi Pekerjaan AZ Sdn Bhd adalah saksi dan pihak yang telah menguruskan permohonan tersebut. Dalam surat permohonan untuk pas kerja sementara Nirmala adalah pemohon dan suami Pek Ha telah menandatangani surat ini (rujuk ms 11 ikatan dokumen B1).

[180] Mengikut peruntukan s 56(1)(k) kesalahan yang berlaku adalah terhadap pihak imigresen dan bukan terhadap defendan-defendan.

[181] Untuk menjadikannya satu kesalahan pada kontrak antara Nirmala dan majikannya perkara ini perlulah dinyatakan dengan jelas sebagai salah satu terma dalam kontrak pekerjaan tersebut. Dalam keadaan perlanggaran terma sedemikian, jika ada, barulah akan menjelaskan kedudukannya mengenai kesalahan tersebut.

[182] Dalam kontrak pekerjaan antara Nirmala dan defendan tidak ada terma sedemikian. Sehubungan dengan itu, pada pandangan mahkamah perkara ini bukanlah kesalahan yang membolehkan defendan mendakwa Nirmala.

[183] Dalam kes ini selain dari melihat biodata Nirmala keterangan menunjukkan bahawa defendan-defendan telah membuat keputusan untuk menggaji Nirmala hanya setelah melihat video mengenai Nirmala dan setelah Pek Ha mendapat kepastian bahawa Nirmala beragama Kristian.

[184] Walau apapun keadaannya pada pandangan mahkamah penyembunyian kebenaran oleh Nirmala terhadap majikannya tetap merupakan suatu kesalahan yang tidak boleh diketepikan begitu sahaja oleh mahkamah. *Demi keadilan perkara ini akan diambil kira oleh mahkamah dalam penentuan jumlah ganti rugi yang layak diterima oleh Nirmala daripada bekas majikannya itu*.

Sekiranya plaintif didapati berliabiliti kepada defendan-defendan, apakah ganti rugi yang dialami oleh defendan-defendan?

[185] Walaupun perbuatan Pek Ha didapati melampaui batas-batas kemanusiaan mahkamah mendapati Nirmala telah menyumbang kearah kejadian yang menimpanya. Didapati Nirmala gagal memberi maklumat dirinya yang tepat. Majikan perlu tahu umur sebenar (serta maklumat-maklumat lain yang diminta) berkaitan pembantu yang bakal diambil untuk bekerja dengannya. Ini adalah memandangkan secara kasarnya daripada usia seseorang (serta maklumat relevan yang diminta), majikan akan dapat menganggarkan kemampuan, kekuatan, pengalaman, tahap kesabaran, kesesuaian dan sebagainya yang akan membantu majikan untuk menilai samada orang asing yang bakal dipilih sebagai pembantunya akan dapat menangani tugas-tugas tertentu yang diperlukan oleh seseorang majikan tertentu.

[186] Mengikut keterangan Dr Rabaiah mengenai orang yang mengidap *mild mental retardation*: 'They can't handle stress as well as others, and they may not be able to cope with the usual things which an average normal person will be able to cope with'. Berdasarkan keterangan dan hal keadaan kes keadaan Nirmala telah menimbulkan masalah dan stres bukan saja kepada dirinya tetapi juga kepada majikannya terutama Pek Ha yang mengharapkan bantuan daripada pembantunya dalam menangani urusannya setelah kelahiran anak bongsu yang pada ketika itu baru berusia dua minggu, dan sedang menyusu badan.

[187] Sebaliknya apakah yang didapati daripada kehadiran Nirmala walaupun Pek Ha telah melayan Nirmala dengan baik (rujuk laporan Dr Salina di P9). Di samping kerosakan demi kerosakan yang dilakukan oleh Nirmala, tidak lama setelah Nirmala datang dan tinggal bersama defendan-defendan beliau telah tidur berbogel di bilik tetamu. Sedangkan Nirmala tahu suami Pek Ha mempunyai ofis di apartmen yang sama dan pada kebanyakan masa berada di apartmen tersebut. Mengapa dan apa tujuannya sedangkan Nirmala telah dibayar untuk bekerja dan membantu.

[188] Budaya manakah yang membolehkan perlakuan seperti itu dengan tidak mengganggu-gugat ketenteraman keluarga majikannya? Tidakkah ini secara munasabahnya akan menimbulkan kesangsian yang menyusahkan Pek Ha. Jika ada keterangan untuk dipertimbangkan mahkamah bersedia untuk mendengar dari Nirmala. Namun demikian diperhatikan dengan mimik mukanya yang bersahaja dalam perkara ini Nirmala hanya 'brush it off' begitu sahaja dengan tidak menunjukkan sebarang perasaan yang serius terhadap perkara yang diaju kepada beliau dalam perkara ini.

[189] Mahkamah memerhati dan menimbang keterangan Pek Ha apabila beliau mengemukakan keterangan tersebut. Keterangannya berpontensi menjemput masalah dan memburukkan kedudukan pembelaan tetapi beliau

masih memaklumkannya berulangkali dengan penuh perasaan kepada mahkamah. Mimik mukanya dan jari-jarinya yang cuba membayangkan kepada mahkamah bentuk payudara Nirmala pada ketika itu seolah-olah menceritakan bahawa perkara itu terus bermain dalam benak pemikirannya. Setelah menimbangnya mahkamah menerima keterangan tersebut sebagai benar.

[190] Sebagai pembantu, Nirmala tidak diperlukan untuk memasak atau menjaga anak-anak defendan. Walaupun makanan beliau sekadar seadanya, makanan dibeli dan disediakan oleh majikan untuk Nirmala. Nirmala hanya diperlukan untuk membantu dalam urusan membersih apartmen tersebut, membersih pinggan mangkuk, serta menggosok dan mengurus pakaian keluarga Pek Ha. Namun, keterangan menunjukkan Nirmala tidak dapat menggosok baju dengan baik sejak awal kedatangannya, dan menyebabkan ada sahaja baju dan barang-barang lain yang dirosakkan seperti yang telah disebutkan sebelum ini, yang semuanya diakui oleh Nirmala sebagai benar.

[191] Keterangan menunjukkan semakin lama keadaan telah menjadi semakin buruk. Lebih-lebih lagi apabila kecederaan pada Nirmala menyebabkan beliau tidak dapat mandi dengan sempurna. Seluruh apartmen telah dikatakan oleh Pek Ha sebagai berbau busuk, walaupun pada hakikatnya (daripada keterangan) itulah yang membuat Pek Ha sangat tertekan dan naik marahnya apabila berhadapan dengan Nirmala.

[192] Keadaan Nirmala yang mudah stres menyebabkan keadaan menjadi bertambah tegang. Pek Ha yang pada asalnya merupakan seorang majikan yang baik, seolah-olah kehilangan akal pada ketika beliau juga diperlukan untuk menangani kerenah anak-anak kecilnya. Dalam keadaan ini Pek Ha didapati gagal membendung kemarahannya. Pek Ha bertindak kasar terhadap Nirmala, jauh melampaui segala batas kemanusiaan.

[193] Akhirnya keluarga Pek Ha menanggung bebanan yang tidak terkata. Sudah sepuluh tahun Pek Ha merengkuk di penjara dan beliau masih mengharunginya. Daripada wajah anak-anaknya yang tidak berdosa, menceritakan duka dan hiba dalam berbagai bahasa. Menceritakan kisah-kisah kerinduan, kesengsaraan dan tangisan. Namun apakan daya, kesucian keadilan mengatasi segalanya, tidak memandang warna maupun bangsa, dan kesucian itu perlu terus terpelihara sebaik-baiknya.

Merujuk Quran ms 87 (58:4): 'Sungguh, Allah menyuruhmu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia hendaklah kamu menetapkannya dengan adil'. ('Allah commands you to render trusts to whom they are due, and when you judge between people, judge with justice').

KEPUTUSAN

[194] Berdarkan keterangan, fakta dan bukti yang dikemukakan dan berasaskan rumusan imbangan kebarangkalian mahkamah mendapati bahawa plaintif dalam kes ini telah berjaya membuktikan kesnya bahawa kedua-dua defendan adalah bertanggung atas kadar 70% (*liable*) dalam tuntutan Nirmala terhadap defendan-defendan. Tuntutan balas defendan adalah ditolak. Kos yang dibenarkan adalah sebanyak RM10,000 keseluruhannya.

[195] Faedah adalah 5% atas jumlah penghakiman daripada tarikh penghakiman ke tarikh perlaksanaan penghakiman.

[196] Setelah menimbang segala keterangan, fakta dan hal keadaan kes, atas imbangan kebarangkalian, mahkamah mendapati Nirmala juga bertanggungan atas kadar 30% bagi kejadian seperti yang dipaparkan dalam kes ini. Sehubungan dengan itu mahkamah mendapati adalah wajar ganti rugi yang diawardkan kepada Nirmala dipotong sebanyak 30% daripada jumlahnya.

[197] Ganti rugi am dan khas yang dituntut dalam perenggan 10 penyata tuntutan terpinda telah ditetapkan seperti berikut:

Ganti rugi am	
Kecederaan di dada (kedua-dua payudara dan berkaitannya)	RM105,000
Kecederaan dan parut di lengan	RM4,000
Kecederaan di kepala dan muka termasuk mulut	RM10,000
Kecederaan di hidung	RM8,000
Tekanan emosi	RM40,000
Ganti rugi khas	
Perbelanjaan perubatan dan laporan perubatan	Tidak dibenarkan
Perbelanjaan perubatan khas	Tidak dibenarkan
Perbelanjaan asas tempat tinggal, makan dan minum	RM10,616
Kehilangan kebolehan mencari pendapatan	Tidak dibenarkan
Kehilangan pendapatan dibenarkan atas perkiraan RM430 x 16	RM6,880
Perbelanjaan pengangkutan	Tidak dibenarkan
JUMLAH	RM184,496

POTONGAN 30%

[198] Faedah atas jumlah baki adalah 5% daripada tarikh penghakiman hingga ke tarikh perlaksanaan penghakiman

[199] Jumlah kos dibenarkan kepada plaintif adalah RM10,000.

Tuntutan plaintif dibenarkan dan tuntutan balas defendan-defendan ditolak dengan kos sebanyak RM10,000.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar